

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
PUAN ZUBAIDAH BINTI KELIWON DAN
ENCIK MASSELIH BIN MISWAN,
PENERUS DAN JURULATIH BERTAULIAH
ZAPIN PARIT MASTAR
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENERUS DAN
JURULATIH SENI TARIAN ZAPIN**

ALINA SYAHIRA BINTI NORHAMIM

(2020977381)

NUR AIMI AQILAH BINTI MOH JAYUS

(2020700199)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC – JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	iv
	Senarai Abreviasi	vi
	Senarai Singkatan	viii
	Rujukan Kata	x
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh Pertama	5
	2.2 Biodata Tokoh Kedua	6
	2.3 Pengenalan Kepada Tokoh	7
3.0	Sejarah Lisan	8
	3.1 Pengenalan	9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	12
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	13
4.0	Kajian Literatur	14
	4.1 Topik 1 : Kesenian	15
	4.2 Topik 2 : Seni Tari Zapin	17
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	19
6.0	Log Temubual	96
7.0	Ralat	101
8.0	Glosari	103
9.0	Indeks	106
10.0	Bibliografi	110

11.0	Lampiran	113
	11.1 Biografi Tokoh	114
	11.2 Surat Perjanjian	116
	11.3 Senarai Soalan	118
	11.4 Diari Penyelidikan	124
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	128

ABSTRAK

**PENGALAMAN PUAN ZUBAIDAH BINTI KELIWON DAN
ENCIK MASSELIH BIN MISWAN SEBAGAI
PENERUS DAN JURULATIH SENI TARIAN ZAPIN**

Alina Syahira Binti Norhamim (2020977381)

Nur Aimi Aqilah Binti Mohd Jayus (2020700199)

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Johor Kampus Segamat,
KM 12, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor.**

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan anak dan cucu kepada pengasas Zapin Parit Mastar iaitu Puan Zubaidah Binti Keliwon dan Encik Masselih Bin Miswan. Ramai dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda kini, kurang mendapat pendedahan tentang seni tari warisan lebih lagi tarian zapin yang menjadi satu tarian ikonik dan sebagai hiburan masyarakat Melayu terdahulu. Selain mengupas latar belakang tokoh, sejarah lisan ini bertujuan untuk mengkaji sama ada seni tarian ini masih kekal relevan di arus kemedanan negara. Selain itu juga, kajian lisan ini juga untuk mengenalpasti sebab dan faktor tarian zapin semakin dilupakan oleh generasi kini serta untuk mendokumentasikan seni tari zapin ini supaya menjadi rujukan generasi akan datang dan tidak ditelan zaman. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharapkan masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang seni tarian zapin ini.

Kata kunci: Puan Zubaidah Binti Keliwon, Encik Masselih Bin Miswan, Seni tarian, Zapin, Parit Mastar

This transcript discusses the experience of a figure who is the daughter and grandson of the founder of Zapin Parit Mastar, namely Mrs. Zubaidah Binti Keliwon and Mr. Masselih Bin Miswan. Many people especially the younger generation, less exposure on the art of dance heritage especially Zapin dance that became an iconic dance and as entertainment in the previous Malay community and culture. In addition, to examining the background of the figure, this oral history aims to examine whether the art of dance still remains relevant in the current of modernity in the country. Apart from that, this oral study is also to identify the reasons and factors of zapin dance being forgotten by the current generation as well as to document the art of zapin dance so that it becomes a reference for future generations and not swallowed by time. Through this oral history project as well, it is hoped that the outside community especially the present generation will know more and more deeply about the art of zapin dance.

Keyword: Puan Zubaidah Binti Keliwon, Encik Masselih Bin Miswan, Dance Art, Zapin, Parit Mastar

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kaaasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas sejarah lisan ini daripada awal hingga ke akhir tugas. Dengan izin kurniaan Allah SWT Yang Maha Berkuasa, kami dengan jayanya dapat menyelesaikan tugas kami dengan baik.

Kami dengan rasa rendah diri ingin merakamkan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan terhadap tugas ini. Melalui dorongan beliau, kami berjaya menyiapkan tugas ini walaupun disaat akhir.

Tidak dilupakan juga, kami ingin menitipkan penghargaan kepada Puan Zubaidah Binti Keliwon dan anaknya, Encik Masselih Bin Miswan yang sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi rujukan tokoh bagi tugas yang diberikan dengan baik.

Disamping itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, keluarga, kedua ibu-bapa yang telah memberikan semangat daripada segi fizikal dan mental serta memahami situasi kami dalam menyelesaikan tugas ini.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas yang penuh dengan cabaran ini.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN ABREVIASI	MAKSUD
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
Pe-Zapin	Persatuan Penggiat Zapin
ASWARA	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan
JKKN	Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negeri
U	Universiti
KL	Kuala Lumpur
IT	Teknologi Maklumat
KPOP	Pop Korea
HIPHOP	Genre Muzik Rap
UM	Universiti Malaya

**SENARAI
SINGKATAN**

SENARAI SINGKATAN

ASN	: Alina Syahira Binti Norhamim
NAA	: Nur Aimi Aqilah Binti Mohd Jayus
MBM	: Massellih Bin Miswan
ZBK	: Zubaidah Binti Keliwon

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Ade	Ada
Aje	Sahaja
Ajelah	Sahajalah
Ambik	Ambil
Amik	Mengambil
Anu	Merujuk kepada sesuatu
Ape	Apa
Apeni	Apa ini
Asas kepala	Asas tari
Atok	Datuk
Babon	Ayam betina
Babunan	Langkah tari
Bapak	Bapa
Bagi	Beri
Bawak	Bawa
Betol	Betul
Dah	Sudah
Diaorang	Mereka
Eh	Pertanyaan/penekanan ayat
Enjut	Langkah tarian menghenjut
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Haah	Mengiyakan
Intinan	Perjalanan
Jap	Sekejap
Je	Sahaja
Jemputan	Majlis pengantin
Jugaklah	Juga
Kat	Dekat
Kecik – kecik	Kecil – kecil

Kecik	Kecil
Kesah	Kisah
Kitaorang	Kami
Kot	Mungkin
Lah	Begitu lah
Laki	Lelaki
Lokek	Kedekut
Makai	Memakai
Menginikan	Membuatkan
Mintak	Minta
Napas	Nafas
Ngambik	Ambil
Ngajor	Mengajar
Ngorek	Mengorek
Ni	Ini
Nunggu	Menunggu
Nurun	Menurun
Nyai	Moyang
Paham	Faham
Pasal	Fasal/tentang
Pastu	Selepas itu
Pesak	Jahitan baju dibawah lengan
Pompuan	Perempuan
Pon	Pun
Pulak	Pula
Rewang	Kerja beramai-ramai
Sorang	Seorang
Sape	Siapa
Sulung	Pertama
Tak payah	Tidak mengapa
Takde	Tiada
Takpe – takpe	Tidak mengapa

Telipon	Telefon
Tengok	Melihat / menonton
Tiap-tiap	Setiap
Tu	Itu
Tulah	Itulah
Wainab	Langkah tari terakhir
Ye	Iya

**BIODATA
PENEMUBUAL**

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	Alina Syahira Binti Norhamim
Tarikh Lahir	9 April 1998
Tempat Lahir	Hospital Besar Batu Pahat, Batu Pahat, Johor.
Alamat	4397 Jalan Jati 10, Bandar Putra, 81000 Kulai, Johor.
No Telefon	011- 6258 9515
Emel	asyahira9498@gmail.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Nur Aimi Aqilah Binti Mohd Jayus
Tarikh Lahir	27 April 1999
Tempat Lahir	Hospital Batu Pahat, Batu Pahat, Johor.
Alamat	95, Kampung Lubok Darat, Semerah, 83600 Batu Pahat, Johor.
No Telefon	011-1754 3937
Emel	nuraimiaqilah27@gmail.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH PERTAMA



Nama	Zubaidah Binti Keliwon
Tarikh Lahir	9 Jun 1959
Umur	62 Tahun
Tempat Lahir	Pontian, Johor.
Alamat	No. 93A Kampung Parit Mastar, 82200 Benut, Pontian, Johor.
No Telefon	012-7426980
Status	Ibu Tunggal
Bilangan Anak	6 Orang
Bidang	Penerus Seni Tari Zapin

2.2 BIODATA TOKOH KEDUA



Nama	Masselih Bin Miswan
Tarikh Lahir	1 Ogos 1990
Umur	31 Tahun
Tempat Lahir	Pontian, Johor.
Alamat	No. 93A Kampung Parit Mastar, 82200 Benut, Pontian, Johor.
No Telefon	017-766 4246
Status	Berkahwin
Bilangan Anak	2 Orang
Bidang	Jurulatih Seni Tari Zapin

2.3 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Puan Zubaidah Binti Keliwon merupakan anak jati Pontian yang dilahirkan pada 9 jun 1959 dan beliau berumur 62 tahun. Beliau juga dikenali sebagai “Kak Zu” dalam kalangan masyarakat Pontian dan juga keluarganya. Beliau adalah anak sulung daripada enam orang adik beradiknya dan mempunyai 6 orang cahaya mata hasil dari perkahwinannya dengan Miswan Bin Hussin. Beliau mewarisi seni tarian ini daripada ayahnya, Haji Keliwon Bin Denan iaitu seorang pengasas tarian Zapin Parit Mastar yang menjadi kebanggaan masyarakat di Pontian, Johor. Sehubungan dengan itu juga, empat orang anaknya berjaya mewarisi tarian zapin ini sekaligus menjadi penerus dan pewaris seni tarian zapin khususnya zapin Parit Mastar.

Tokoh yang kedua pula iaitu Encik Masselih Bin Miswan, merupakan anak kepada Puan Zubaidah Binti Keliwon yang berjaya meneruskan seni tarian warisan ini. Beliau juga berjaya mendapatkan sijil pengtauliahahan sekaligus mendapat gelaran jurulatih yang dipercayai dan berkredibiliti.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Konsep sejarah lisan menurut (Sabar, 2020), sumber penelitian yang penting dalam sejarah merupakan sumber bersifat unggul dan pertama. Sumber tersebut haruslah berbentuk dokumen, catatan peribadi, dengan menggalakkan penggunaan sumber lisan untuk dijadikan sebagai sumber pelengkap dalam penelitian sejarah, sehingga dikenal dengan sumber sejarah lisan. Sementara itu, menurut (Omar & Al, 2017), sejarah lisan bermaksud suatu proses menghasilkan sumber–sumber sejarah melalui teknik temubual/wawancara atau soal jawab yang dibuat menggunakan pita rakaman mahupun proses transkripsi. Pengumpulan, penyalinan semula, penyusunan, penerbitan dan penyimpanan rakaman keterangan-keterangan yang dibuat oleh individu yang mempunyai kaitan dengan sesuatu peristiwa yang menarik perhatian penyelidik, dilakukan berpandukan sistem tertentu adalah sebahagian daripada sejarah lisan. Selain itu, menurut (Roudhah et al., 2012) menyatakan bahawa sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Satu-satunya kaedah pengumpulan maklumat dalam sejarah lisan ialah temubual atau wawancara yang dijalankan ke atas individu tertentu.

Menurut (Haron, n.d.), mereka mempersetujui bahawa sejarah lisan boleh dimaksudkan dengan satu cara bagi mendapat keterangan sejarah yang berbentuk lisan, untuk menambah dan bukan untuk menggantikan sumber-sumber bertulis adalah seperti rekod, surat-surat, catatan harian dan apa-apa juga sumber bertulis yang berkaitan, yang telah dihasilkan dalam jangka waktu yang berkenaan. Manakala menurut kajian yang dilakukan di Indonesia oleh (Lisan, 2020), perbincangan berkenaan sejarah lisan dalam penulisan sejarah juga dilakukan secara kritis dengan mengangkat kepentingan menggabungkan sumber dokumen dan sejarah lisan kerana disadari kedua-dua sumber tersebut mempunyai kekuatan dan kekurangan tersendiri. Kecenderungan ini dinyatakan perlu memandangkan banyak peristiwa yang terjadi pada masa kini semakin mudah dilupakan dan hilang sebagai bukti sejarah kerana perubahan zaman bukan sahaja membangunkan teknologi baharu, tetapi juga mengubah orientasi kehidupan manusia.

Di samping itu, menurut (Xaverius, 2019) bahawa sumber lisan merupakan sumber tradisional, cerita sejarah yang hidup di tengah-tengah masyarakat, diceritakan dari orang kepada orang lain. Kepercayaan lama dan fikiran masyarakat melekat pada cerita berbentuk lisan ini sehingga subjek menjadi sangat besar. Ceritanya jauh dari kebenaran objek. Sumber lisan tidak melukiskan kenyataan atau fakta yang sesungguhnya, kerana sering adanya tambahan atau pengurangan, sehingga akhirnya membentuk cerita sejarah bersahaja. Sumber lisan hanya dapat dipakai sebagai bahan pelengkap, bahan perbandingan untuk bahan yang dapat ditarik kesimpulan tentang hal-hal yang lalu. Hal ini dikaji juga oleh (Syed Abdullah, 2013) bahawa, tradisi lisan boleh digunakan sebagai sumber mengkaji sejarah Malaysia, tetapi ianya mempunyai batasan dan had-had tertentu. Antaranya ialah konsep 'kebenaran sejarah' dalam masyarakat kita, yang kini masih menjadi suatu tanda tanya sahaja. Dewasa ini amat sedikit sekali ahli sejarah yang menggunakan tradisi lisan sebagai sumber sejarah tambahan pula seseorang ahli sejarah yang hendak menggunakan tradisi lisan sebagai sumber mestilah menggunakan pendekatan yang inter-disiplin, seperti mengkajinya terlebih dahulu tentang sejarah tempat dan kebudayaan masyarakat terdahulu.

Begitu juga dengan (Santoso, n.d.) menyatakan bahawa sejarah lisan mempunyai suatu hubungan yang saling mengisi dan melengkapi. Maksudnya bahawa suatu dokumen yang tertulis tidak akan dapat menceritakan semua peristiwa yang pernah terjadi. Untuk memperoleh kelengkapan dari informasi dokumen tersebut, perlu dilakukan wawancara sejarah lisan. Oleh kerana wawancara sejarah lisan itu bertujuan untuk mengisi kekosongan informasi pada dokumen. Hanya saja wawancara tersebut dapat dilakukan apabila disokong oleh orang-orang yang pernah mengalami suatu peristiwa itu, apabila masih hidup. Menurut pengkajian semula oleh (Syed Abdullah, 2013) bahawa, tradisi lisan, budaya lisan dan adat lisan adalah pesan atau kesaksian yang disampaikan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya. Pesan atau amanat itu disampaikan dalam bentuk ucapan, pidato, nyanyian dan ungkapan yang terdapat dalam bentuk pantun, cerita rakyat, nasihat, balada, lagu atau peribahasa. Melalui cara ini suatu masyarakat dapat menyampaikan sejarah lisan dan pengetahuan lain kepada generasi bawahan sebagai penerusnya tanpa melibatkan bahasa tulisan.

Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan sokongan kenyataan daripada (*JOURNAL OF INFORMATION AND KNOWLEDGE MANAGEMENT Volume 3 , Number 2 , December 2013*, 2013) bahawa Persatuan Sejarah Lisan Malaysia dibentuk untuk mengumpulkan maklumat berdasarkan pendekatan sejarah lisan dan untuk mempromosikan sumber

maklumat ini sebagai bahan penting untuk penyelidikan sejarah dalam masa terdekat. Catatan sejarah mengenai suatu peristiwa dapat diselesaikan melalui sejarah lisan kerana sebahagian maklumat masih ada berada dalam ingatan seseorang. Temu ramah adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam sejarah lisan untuk mengumpulkan maklumat daripada individu. Bukti menunjukkan bahawa tidak semua rekod yang didokumentasikan direkodkan secara menyeluruh dan mencukupi. Menurut (Omar & Al, 2017) menyatakan bahawa kaedah inkuiri untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut kepada sejarah bertulisan. Keterangan ini didapati melalui wawancara samada dengan pelakunya, seorang saksi mata, seorang pendengar, seorang pemegang tradisi atau seorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa berkenaan. Berdasarkan kepada definisi yang diberikan ini sahaja dapat memperlihatkan bahawa kaedah sejarah lisan tidak mungkin dapat menggantikan sumber bertulis dalam sebarang penyelidikan sejarah.

Justeru, ia ditekankan bahawa (Lisan, 2020) penyebaran dan pewarisannya dilakukan secara lisan. Walaupun ada sesetengah bahan yang telah diterbitkan dalam bentuk tulisan atau buku, namun asal bahan tersebut tersebar di kalangan masyarakat menerusi lisan.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Tujuan melakukan Sejarah Lisan berkenaan dengan topik yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- Untuk mengkaji sama ada seni tari zapin masih relevan dan besesuaian dengan mengikuti arus kemodenan negara.
- Untuk mengenalpasti sebab dan faktor tarian zapin semakin dilupakan oleh generasi kini melalui sejarah lisan yang bakal dilakukan.
- Untuk mendokumentasikan seni tari zapin ini supaya menjadi rujukan generasi dan tidak terabai ditelan zaman.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Sejarah lisan merupakan satu proses pengumpulan data tentang peristiwa yang berlaku pada suatu zaman dan dirujuk semula daripada ingatan seseorang melalui proses wawancara. Sebagai contoh, sumber utama seperti diari, surat, gambar dan sebagainya. Sumber- sumber ini dianggap sebagai sumber primer dan sumber rujukan paling utama berdasarkan ketelusan maklumat dan kesahihannya. Sumber primer sejarah lisan yang diperolehi melalui sesi wawancara dan telah direkodkan oleh penyelidik dan penemubual individu tersebut. Menurut (Omar & Al, 2017) menyatakan bahawa, sejarah lisan nyata mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Pemantapan sejarah lisan dalam menulis kembali historiografi Malaysia akan memberikan satu nilai dan pandangan yang baru. Kenyataan ini turut disokong oleh (Ndongia, 2011) bahawa di Amerika Serikat, beberapa sejarawan yang mengkaji dan meneliti semula sumber-sumber lisan, menemukan bahawa sejarah lisan menjadi 'alat yang kuat untuk menganalisa dan mengkaji sifat dari proses memori sejarah. Maksudnya bagaimana orang menjelaskan masa lalunya, bagaimana mereka menghubungkan pengalaman individu dan konteks sosialnya, bagaimana masa lalu menjadi sebahagian dari masa kini, dan bagaimana orang menggunakan sumber-sumber lisan untuk menginterpretasikan kehidupan mereka dan dunia.

Peranan sejarah lisan amatlah signifikan untuk menguatkan lagi bahan sejarah yang semakin pupus seperti rosak mahupun hilang. Umum mengetahui bahawa kebanyakan bahan sejarah negara kita seperti dokumen penting negara telah banyak dilupakan, dimusnahkan dan hilang ketika di era zaman penjajahan Jepun dan British. Seperkara lagi, terdapat banyak dokumen penting negara yang tidak terdapat di tanah air kita sendiri, ianya telah dibawa pulang oleh penjajah terdahulu. Tidak hairanlah jikalau kita pergi ke muzium dan arkib di British, terdapat banyak "harta" Tanah Melayu dibawah jagaan mereka. Lebih teruk lagi, kita terpaksa "membeli" dokumen negara kita sendiri kerana mereka mengenakan caj sebagai tukaran. Melalui kaedah sejarah lisan ini, jelas kelihatan bahawa kepentingan kaedah sejarah lisan untuk menggali dan mengetahui kebenaran sejarah dan apa yang berlaku pada zaman terdahulu.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1: KESENIAN

Kesenian bermaksud salah satu aspek kebudayaan yang memiliki erti penting dalam kehidupan masyarakat dan tidak dapat dipisahkan, masyarakat dan seni bersumber dari hubungan antara manusia dengan kehidupan seharian (Tinggi et al., n.d.). Hal ini diperkuatkan lagi oleh (Surahman, 2013) yang menyatakan bahawa kebudayaan seni budaya merupakan suatu satuan idea yang ada dalam kepala manusia dan bukan merupakan suatu gejala yang terdiri atas kebiasaan dan hasil kelakuan manusia. Namun begitu terdapat pelbagai kepentingan seni budaya. Kesenian tari sebagai sebuah teks budaya merupakan sebuah sistem representasi yang sarat akan makna dan nilai, sehingga ia dapat juga disebut sebagai sistem simbol. Sebagai sistem simbol, tari merupakan representasi mental dari subjek atau subjektivitas seniman. Sistem simbol ini tidak tinggal diam atau bisu, tetapi berbicara kepada orang lain (M.Syahrul Ulum, 2020). Kesenian adalah salah satu identitas yang dimiliki oleh suku Melayu, dimana kehidupan masyarakat Melayu dapat dilihat dari kesenian yang dimiliki oleh masyarakat Melayu tersebut. Salah satu kesenian yang dimiliki oleh suku Melayu adalah tari (Belakang, A.L., 2017).

Kesenian mempunyai nilai yang tinggi dan mampu untuk menjana pendapatan bagi setiap negara melalui pelancongan (Melayu, 2011). Perkara ini diperkuatkan lagi dalam kalangan masyarakat oleh (Karthago, 2014) yang mengatakan pelestarian kegiatan kesenian sebagai salah satu media untuk pelbagai kepentingan yang diperlukan dalam kalangan masyarakat dalam melestarikan pengembangan seni budaya di Kabupaten Bulungan. Akan tetapi terdapat beberapa isu tentang kesenian yang berlaku. Kesenian sebagai alternatif lain dalam berdakwah, diantaranya tarian, syair-syair dan sebagainya yang popular sebagai hiburan atau kesenangan. Lelaki dan wanita, tua dan muda sehingga kanak-kanak. Cabang seni yang paling popular adalah tarian dan muzik dengan syair-syair yang penuh dengan unsur Islamik, dimana kesenian sedikit banyak berpengaruh dalam kehidupan manusia, baik itu pengaruh positif mahupun pengaruh negatif, ertinya kesenian boleh membuka mata hati manusia untuk melakukan sesuatu hal yang baik (Teuku Muhdi Asfari, 2019). Melalui kesenian tradisional, di samping untuk hiburan, pendidikan, memberi informasi, melakukan kontrol,

juga dapat digunakan sebagai sarana untuk memecahkan persoalan masyarakat dengan cara mereka sendiri (Sugeng Winarno, 2017).

Menurut (Yuszaidy, 2018) kesenian kita tidak ketara diperolehi daripada hasil dapatan kajian lebih banyak berkaitan dengan adat resam dan pantang larang dalam pelbagai etnik di Malaysia. Hal ini disokong oleh yang menyatakan bahawa zaman sekarang kian berubah kerana masyarakat dunia terkesan dengan pelbagai arus kemodenan yang menyebabkan beberapa kesenian kini tidak lagi diikuti dan ditenggelam arus zaman. Pendidikan anak bangsa adalah strategi terampuh sebagai warisan kebudayaan dan kesenian masyarakat Melayu yang kian terpinggir. (Roslina, 2016). Pembiayaan untuk pembudayaan dan pelestarian kesenian tradisional kurang memadai, sedangkan maksud yang disampaikan melalui kesenian tradisional adalah maksud tentang moral, keagamaan dan juga pesanan pembangunan yang akan dilakukan oleh pemerintah (Sugeng Winarno, 2017). Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kesenian dan kebudayaan sesuatu masyarakat yang wujud di Malaysia adalah sebahagian daripada proses memperkasakan jati diri dan menanam semangat patriotism ke dalam diri bangsa Malaysia yang terkenal dengan pelbagai etnik, budaya, bahasa dan agama khususnya dalam menghadapi cabaran saat bangsa ini menempuh era modenisasi. Salah satu impak yang didatangkan kepada warisan kesenian dan kebudayaan anak bangsa Malaysia sering dikaitkan dengan fenomena 'globalisasi budaya' (Mohammad Nasrudin, N. E., Raml, Z., 2017).

Oleh yang demikian, kajian tentang kesenian perlu dikaji bagi membuktikan bahawa kesenian yang kita perolehi amat penting dan unik yang perlu dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Bukan itu sahaja, kita juga perlu berbangga dengan keunikan yang kita miliki yang tidak diperolehi oleh masyarakat negara lain.

4.2 TOPIK 2: ZAPIN

Definisi zapin menurut (Harma, 2017) ialah perkataan zapin telah dikenali dengan pelbagai nama seperti Dana, Zafin, Jipin dan Jepin di Malaysia. Kenyataan ini turut disokong oleh (Kartini & Husain, 2018), beliau menyatakan bahawa terdapat pelbagai kisah bagaimana Tarian Zapin mula menapak di Alam Melayu tetapi yang pasti adalah tarian ini dibawa oleh pedagang Arab yang datang untuk berniaga dan mengembangkan agama Islam di Alam Melayu. Ia menunjukkan bahawa perkataan zapin yang pelbagai dipengaruhi oleh para pedagang dan saudagar yang berdagang di Tanah Melayu. Terdapat pelbagai kepentingan zapin yang dapat dinyatakan. Zapin merupakan tarian rumpun Melayu yang mendapat pengaruh besar dari Arab. Tarian tradisional ini bersifat edukatif sekaligus menghibur, digunakan sebagai media dakwah Islamiyah melalui syair-syair lagu Zapin yang didendangkan (Belakang, A.L., 2017). Tari Zapin ini adalah salah satu bentuk tarian rakyat yang diperkenalkan di kepulauan Nusantara oleh para pedagang Arab. Tari Zapin ini berasal dari adaptasi budaya dan asimilasi dari Zapin (Arab) yang dipersembahkan kepada masyarakat umum oleh orang-orang Melayu keturunan Arab. (Ulum, M.S., 2020)

Secara simbolis gerak tari zapin menampakkan kepentingan usaha bersama dan bukannya usaha individu di samping meminggirkan persaingan antara pemain dalam kumpulan tersebut mahupun antara kumpulan (Flouryria, 2020). Perkara ini diperkuatkan lagi dengan dorongan kepergian zapin adalah kerana berbagai kepentingan, baik kerana kepentingan ekonomi, sosial, kebudayaan, politik, agama, kesihatan mahupun lainnya seperti kerana sekadar ingin tahu, menambah pengalaman baru. (Harma, 2017). Akan tetapi terdapat beberapa isu yang timbul tentang kesenian zapin yang berlaku dalam kalangan kita.

Antara isu yang timbul ialah kesenian zapin kian dilupakan yang menyebabkan Istana Budaya menganjurkan program yang berkonsepkan seni budaya bagi menunjukkan keunikan nilai-nilai kesenian tradisional (Kasavadas, 2019). Kesenian persembahan tradisional Melayu termasuk Zapin tidak lagi popular dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. Hal ini kerana fenomena budaya moden pada masa kini lebih berkembang pesat. (Zaharul, 2014). Namun pada saat sekarang ini eksistensi tari Zapin semakin menurun dan

jarang ditampilkan pada acara-acara yang diselenggarakan oleh masyarakat (Belakang, A.L., 2017). Tarian zapin telah menjadi tarian penghias majlis perasmian sekolah-sekolah dan upacara perkahwinan. Unsurunsur tradisi tidak dapat mempertahankan kedudukannya lagi, komuniti kampung yang pernah mempertahankan persembahan tradisi, kini tidak mampu berbuat demikian memandangkan semakin bertambah hiburan dan tarian moden yang mendapat tempat dalam kehidupan sosial masyarakat hari ini. Usaha hegemonisasi melalui globalisasi budaya telah menyebabkan sesebuah warisan budaya itu semakin terpinggir (Mohammad Nasrudin, N. E., Raml, Z., 2017).

Kesimpulannya, kesenian zapin perlulah diberi perhatian agar kembali popular seperti zaman dahulu. Hal ini bagi mengelakkan daripada tenggelamnya kesenian tradisional Melayu dek arus zaman.

**TRANSKRIP TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni warisan iaitu seni tarian zapin. Bersama-sama kami ialah Puan Zubaidah Binti Keliwon dan Encik Masselih bin Miswan yang merupakan penerus pengasas Zapin Parit Mastar. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Jun 2021 bersamaan dengan hari Jumaat, pada pukul 10.14 pagi secara maya dan menggunakan platform *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Alina Syahira Binti Norhamim dan Nur Aimi Aqilah Binti Mohd Jayus. Dengan segala hormatnya temubual dijalankan.

ASN : Assalammualaikum Puan. (sambil tersenyum)

ZBK : (Gangguan bunyi) Waalaikumsalam (sambil tersenyum).

ASN : Ape khabar? Sihat ke?

ZBK : Alhamdulillah, sihat (sambil tersenyum).

ASN : Okay Puan boleh perkenalkan diri Puan?

ZBK : Ye?

ASN : Perkenalkan diri Puan.

ZBK : Tak berapa dengar dia cakap.

MBS : Nama Mak.

ZBK : Nama saya Puan Zubaidah Binti Haji Keliwon (sambil tersenyum).

MBS : Mak cakap je.

ASN : -- Tarikh dan tempat lahir, umur.

MBS : Umur mak (sambil memandang telefon).

ZBK : Umur enam puluh dua [62] tahun, lahir tahun lima puluh sembilan [1959] (sambil tersenyum).

ASN : Oh, dimana tu Puan lahir?

ZBK : Sembilan [9] haribulan enam [6] tahun seribu sembilan ratus lima puluh sembilan [1959] (ketawa kecil).

MBS : Menetap ditempat kat mana (sambil main telefon).

ZBK : Saya menetap di Kampung Parit Mastar - - [Pontian, Johor].

ASN : (Mengangguk)

ZBK : Sebagai pewaris Haji Keliwon - - (mengangguk).

ASN : (Mengangguk) - Siapakah nama - -

ZBK : (Gangguan bunyi) Saya pewaris zapin Parit Mastar yang mewarisi dari - a-yah kita, Tuan Haji Keliwon Bin Haji Menan – merupakan pengasas zapin Parit Mastar (mengangguk).

ASN : - Okay, - berapakah umur ibu dan ayah Puan?

ZBK : (Mengangguk) – ya, ayah kita (mengangguk).

ASN : Umurnya berapa?

ZBK : Ya?

ASN : Umurnya berapa? (senyum)

ZBK : (Ketawa kecil) putus-putus lah (gangguan talian).

ASN : Oh, umurnya berapa ? Dengar ke? (gangguan talian)

MBM : Kita tak berapa dengar dia punya apani – dia punya suara (rapatkan telinga ke hadapan komputer riba).

NAA : Umur ayah Puan berapa? (senyum)

ZBK : Umur kita enam [6] - -

MBM : (Mencelah) Umur ni – nyai

ZBK : Umur arwah dulu masa dia mulakan ni ? – Masa dia berzapin tu, (memandang ke kiri) umur dia dalam – (berfikir), kalau dalam enam

puluh [60]-an lebih kurang dalam lima[5] tahun lebih tak. – Tulah
agaknye umur bapak (mengiyakan dan mengangguk).

NAA : (Mengangguk)

ASN : - (Mengangguk)

ZBK : Sebab dia – (gangguan bunyi) berzapin tu dari - - (berfikir) - - apa - -
muda jugaklah lagi. Kita umur – masa sekolah rendah lah lagi di ajar
diaorang – zapin (senyum).

ASN : Oh, (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk)

ASN : - Siapakah nama - dan berapakah umur suami Puan? (senyum)

ZBK : Umur apa? (gangguan talian)

ASN : Suami, suaminya.

ZBK : Oh, (mengiyakan) umur suami sekarang ni dah kita- - dia dah lima [5]
tahun dengan kita, eh maksud dia - - anu ya belajar? Belajar dengan
arwah bapak?

ASN : Bukan, umur suami Puan sekarang.

ZBK : Umur suami kita dah meninggal dah

ASN : (Mengangguk)

ZBK : Masa dia - - sekarang ni dah lima puluh tujuh kot.

ASN : (Mengiyakan dan mengangguk)

ZBK : Tapi dia dah meninggal dah lima [5] tahun dah.

ASN : Oh (mengangguk).

NAA : Oh, okay okay (mengangguk).

ASN : Bila tarikh perkahwinan – Puan dan suami?

ZBK : Tarikh perkahwinan (sambil berfikir) kira lupa tarikh dia tapi tahunnya kita ingat – tahun (gangguan bunyi) tahun enam puluh - - tahun tujuh puluh enam [1976].

ASN : Tujuh puluh enam [1976] (mengangguk dan mengiyakan). Dah berapa orang anak?

ZBK : Enam [6] orang (mengangguk)

ASN : Enam [6] orang, Alhamdulillah (senyum).

ZBK : Tiga [3] laki, tiga [3] perempuan (senyum).

NAA : (Serentak) Alhamdulillah (ketawa kecil).

ASN : Dah bercucu ke? (senyum)

ZBK : Cakapnya tak terang sangat (gangguan bunyi).

ASN : Ya, Puan dah bercucu ke? (senyum)

ZBK : Ya? (sambil mendekat ke komputer riba)

ASN : Dah bercucu ke? (senyum)

ZBK : Dah cucunya dah sembilan [9] dah (senyum).

NAA : (Serentak) Alhamdulillah (senyum dan ketawa kecil)

ZBK : Yang cucu sulung dah tingkatan dua [2] dah (senyum)

NAA : (Senyum dan mengiyakan)

ASN : Nama anak Puan yang tadi kat sebelah Puan tu sape? (senyum)

ZBK : Ya?

ASN : Nama yang anak Puan yang ade dekat sebelah Puan tadi tu.

ZBK : Oh, Masselih Bin Miswan (senyum) (gangguan bunyi) tu anak yang keempat.

NAA : Oh (mengiyakan)

ZBK : (Senyum dan mengangguk)

- ASN : (Gangguan bunyi) Aimi, silakan denngan tema dua [2] (gangguan bunyi).**
- NAA : Okay, - saya nak tanya pasal – tentang sejarah asal usul zapin. Okay, - Puan tahu tak dimana asal usul tarian zapin?**
- ZBK : (Gangguan bunyi) asal usul tarian zapin ini dimulakan daripada Kampung Parit Mastar lah [Pontian, Johor].**
- NAA : Oh okay, (mengangguk). – Tahu tak kewujudan tarian zapin? [sic, merujuk kepada tahun]**
- ZBK : Ya? (gangguan bunyi)**
- NAA : Tahun kewujudan tarian zapin.**
- ZBK : Tahun – (gangguan bunyi) lima enam [56] jugak, tahun masa arwah bapak ke –**
- NAA : Yang masa awal sekali**
- ZBK : Oh, dalam masa tahun 70-an.**
- NAA : 70-an, okay (mengangguk)**
- ZBK : (Mengangguk)**
- NAA : - Apakah jenis tarian zapin yang ada, selain daripada tarian – zapin Parit Mastar?**
- ZBK : Dia pon ade kompang, ade silat (mengangguk)**
- NAA : (Mengiyakan)**
- ZBK : Arwah bapak pon bersilat jugak.**
- NAA : Oh (mengiyakan dan mengangguk)**
- ZBK : Zapin, silat - - (gangguan bunyi)**
- NAA : - Siapakah pengasas pertama tarian zapin ini?**
- ZBK : Arwah Haji Keliwon Bin Haji Menan lah, bapak saya.**
- NAA : Oh (mengiyakan), (gangguan bunyi) - - Puan tahu tak macam mana - - penerimaan masyarakat - - masa tarian ini diperkenalkan?**

ZBK : Sangat memuaskan lah, sebab (gangguan bunyi orang ketiga) bila ada majlis keramaian, majlis pengantin apa tu - dijemputlah arwah bapak, kumpulan bapak zapin (mengiyakan). Kita lah sebagai penari-penarinya lah (katawa kecil).

NAA : Oh, (ketawa kecil). Bagaimana suasana kemeriahan semasa tarian ini diperkenalkan?

ZBK : Meriah lah, (mengiyakan) meriah (senyum).

NAA : (Mengangguk)

ZBK : (Ketawa kecil)

NAA : Ramai tak? (senyum)

ZBK : Dia dulu dipasang-pasangkan gitu aje sebab dulu rumah kan kecik-kecik rumah dulu-dulu jadi dia tak ramailah tapi penari lebih kurang sepuluh [10] orang ade (mengangguk) (gangguan bunyi) tapi lima [5] orang [pasangan] ajelah. Dulu memang dua [2] orang dua [2] orang je sepasang gitu (menunjukkan gerak tangan simbol dua).

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Sekarang ni aje baru diubah, di olah (ketawa kecil).

NAA : (Mengiyakan dan ketawa kecil)

ZBK : Dibuat bunga- bunga kan, dibuat pecahan (mengangguk).

NAA : - Dimanakah masyarakat dahulu mempelajari tarian ini?

ZBK : Di Kampung Parit Mastar lah [Pontian, Johor] (mengangguk).

NAA : - - Tempatnya dimana?

ZBK : Tempatnya dirumah – arwah Haji Keliwon Bin Menan lah.

NAA : - - (Mengangguk) Memang - - setiap hari atau ada waktu tertentu?

ZBK : Dia – seminggu dua kali. Maksudnya buat latihn (mengangguk dan mengiyakan).

NAA : (Gangguan bunyi) (mengangguk) Alina boleh teruskan.

ZBK : Bapak ade kumpulan, dalam kumpulan tu siap ade pemuziknya sekali.

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Dulu tak ade pakai radio, dia pakai muzik betol. – Ade gendang, ade gambus, (menggerakkan tangannya) ade apeni kugiran.

ASN : Masa zaman dulu tu, pemuzik-pemuzik tu (menggerakkan tangan) – dia memang dalam kalangan ahli keluarga atau pun kawan-kawan arwah bapak Puan?

ZBK : Keluarga dengan sedara-mara lah (senyum).

ASN : (Serentak mengiyakan dan mengangguk) Alatan-alatan tu mana dapat tu? Buat sendiri ke, beli ke?

ZBK : Arwah bapak dulu dia dapat daripada atok ye kalau tak salahnya lah agaknya- (mengangguk). Atok tu dia- - orang zaman dulu-dulu kan memang lokek ilmu (ketawa kecil).

ASN : (Serentak ketawa kecil)

ZBK : Orang zaman dulu-dulu tu memang cepat tangkap kan, (meletakkan tangan dikepala)

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Jadi - dia dapat tu terus dia ajar bapak tulah- - untuk berzapin.

NAA : (Mengangguk)

ZBK : Tapi bila bapak mengini-menginikan tu, dia - pandai ngorek lah (ketawa besar).

NAA : (Senyum) Sendiri korek atau pun memang disuruh ajar (mengangguk).

ZBK : Dia terus ajarlah (mengangguk).

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Bapak tu - - (mengangguk). Terus dia ajarkan dengan anak-anak lah (mengiyakan).

ASN : Sampai sekarang nurun ke kat anak-anak? Tahu main gambus ke ghazal ke?

ZBK : (Ketawa kecil) Tak ade, sebab kalau marwas [gendang kecil dua sisi] pon sikit-sikit tu boleh lah (ketawa kecil). Kalau arwah bapak, kalau gambus memang boleh tahan (ketawa kecil) (gangguan bunyi).

ASN : Barangnya - -

ZBK : Arwah bapak memang tiap tahun buat (ketawa kecil)

ASN : Barangnya ade lagi?

ZBK : Barangnya ade lagi tapi tu lah tak main sangat diaorang dah. Dah takde dah (ketawa kecil)

NAA : (Ketawa kecil)

ASN : Nak – kira barangnya ade lagi ke? (gangguan bunyi)

ZBK : Ya?

ASN : Gambusnya ade lagi ke? (senyum) kat rumah- -

ZBK : (Mengangguk) Ade, sampai sekarang ade lagi gambusnya (mengangguk).

ASN : (Senyum) Alhamdulillah.

ZBK : (Ketawa kecil) Untuk buat kenang-kenangan orang nak beli kita tak bagi (senyum) buat kenang-kenangan (mengangguk).

ASN : (Mengangguk dan senyum)

ZBK : (Gangguan bunyi) (senyum) Gambus, marwas ade lagi (menggerakkan tangan).

NAA : (Mengangguk dan mengiyakan)

ZBK : Yang lain tu dah di ambik yang tuannya sendiri lah – tu yang arwah bapak ade lah (mengangguk) .

NAA : (Mengangguk)

ASN : Okay, - untuk tarian zapin ni, ada asas tari dia ke?

ZBK : - Ada asas dia lah (mengiyakan)

ASN : Ape asasnya?

ZBK : (Mengiyakan) Dia- (gangguan bunyi) kalau dulu sekarang ni asas tapi kalau dulu asas kepala lah.

ASN : (Serentak mengiyakan) Macam mana tu, boleh ceritakn sikit tak asas kepala tu macam mana? (gangguan suara orang ketiga)

ZBK : Yang adik [merujuk pada ASN] ni suara kurang kuatlah, macam – macam putus sikit kalau yang ni terang [merujuk pada NAA] (ketawa kecil).

ASN : Okay dengar tak?

ZBK : (Mengiyakan)

ASN : Okay – asas kepalanya macam mana?

ZBK : Asas kepala tu- - dia macam mana eh nak tunjuk (ketawa kecil).

NAA : (Gangguan suara orang ketiga) Boleh – boleh tunjuk (mengangguk dan ketawa kecil)

ZBK : Bunga pertamalah, bunga pertama (mengiyakan) asas kepala tu- . pastu yang kedua baru - - pusing ke enjut satu [1] terus?

MBM : -- Enjut satu [1].

ZBK : - Lepastu ade enjut satu [1], enjut dua [2] dan enjut tiga [3] (sambil menggerakkan tangan)

ASN : Oh, (mengiyakan).

ZBK : (Ketawa kecil)

ASN : Langkah permulaan dia tu ke, ade beza tak dengan zapin-zapin yang lain?

ZBK : Lebih kurang jugaklah (mengangguk) beza-beza tapi lebih kurang (mengiyakan).

NAA : Keistimewaan zapin Parit Mastar ni - - (gangguan talian) apa beza dia? (senyum)

ZBK : Beza - -

MBM : Kuak kaki dia dengan - -

ZBK : (Mengiyakan) Dia ade kuak kaki dengan lenggok dia (mengiyakan). Setiap ada zapin tu. Orangnya lain-lainlah (ketawa kecil). - - Kalau lagu tak kesah, semua lagu boleh masuk.

ASN : (Serentak mengangguk)

ZBK : Cuma pergerakannya lah lain-lain (senyum).

ASN : Ade ke beza antara joget dengan zapin ni ?

ZBK : Ya?

ASN : Ade ke beza antara joget dengan zapin ni ?

ZBK : Yang - - apa? (gangguan bunyi dan gangguan talian) Zapin dengan apa?

ASN : Joget.

MBM : Eh lain.

ZBK : Oh, lain (senyum).

ASN : Lain. Apa beza dia eh?

ZBK : Pada rentak dia, (mengangguk)

MBM : Dia dalam tarian tradisional jugak, tapi tarian tradisional ni merangkumi kepelbagaian tarian.

ZBK : Tapi kalau orang dulu-dulu sampai sekarang pon lebih suka zapin lagi. Sebab diaorang ni rasa- - macam sopan tu tarian dia (ketawa kecil). Kalau orang tua yang dulu-dulu kalau minat zapin memang suka betul, kalau-ada - - pengantin-pengantin ni dikampung ni- zapin suka betullah diaorang. Dia - - pergi jemputan menunggu zapin (ketawa kecil).

ASN : (Serentak ketawa kecil) Ye betul. Kami pon macam tu (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil)

ZBK : (Ketawa kecil)

ASN : O-kay, boleh terangkan tak ape elemen tarian zapin ni? (gangguan bunyi)

ZBK : Maksudnya macam mana eh?

ASN : (Gangguan bunyi) Ada elemen dia ke – mungkin dia ade lembut dia macam mana, tangkas dia macam mana?

ZBK : Oh (mengangguk dan mengiyakan) – Setiap – rentak tu ade apa ye – pergerakannya lah (mengangguk)

ASN : Boleh ceritakan tak macam mana? (senyum)

ZBK : (Ketawa kecil) Macam mana nak tunjuk eh? (senyum dan ketawa kecil)

NAA : (Gangguan bunyi orang ketiga) Boleh, (mengangguk) kalau nak tunjuk pon boleh (senyum) (ketawa kecil)

MBM : Pergerakkan dia banyak langkah tak silap saya- (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk dan mengiyakan)

ASN : Ade beza tak tangkasnya lelaki – penari lelaki lembutnya penari perempuan tu – atau dua [2] dua[2] sama (mengangguk)?

MBM : (Serentak mengangguk) Ada – lelaki - - (mengiyakan)

ZBK : (Mengangguk) Ada ada bezanya.

MBM : Lelaki - penuh dengan gaya - - dan kuak kakinya , kalau perempuan dengan lenggang lenggoknya dengan penuh gayanya dan cara tersendiri lah.

ZBK : (Mengangguk) (ketawa kecil) Sebab ni- kalau - boleh datang sini memang boleh tengok tarian dia tapi sebab PKP (Ketawa kecil)

NAA : (Ketawa kecil) (mengiyakan) Tulah, (ketawa kecil).

ZBK : Ramai yang datang sini kalau - anu – dia nak ngambik untuk ni [merujuk pada belajar tarian zapin] (ketawa kecil).

ASN : (Ketawa kecil) Tulah – kalau boleh memang nak datang (gangguan bunyi).

NAA : Memang nak datang sebenarnya (ketawa kecil) (mengangguk).

ZBK : (Ketawa besar) InshaAllah mudah-mudahan PKP ni cepat tak ade lah boleh lah datang lagi.

ASN : (Serentak) (mengangguk) InshaAllah Amin.

ZBK : Kalau dulu ade mengajar di sekolah terpaksa (menggelengkan kepala) tak buat lah (mengiyakan)

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : (Ketawa kecil) Sekolah menengah (menunjukkan isyarat tangan) sekolah rendah pon ade – sepatutnya. Tapi ade – ni – (menggelengkan kepala) terberhenti lah (ketawa kecil).

NAA : (Mengangguk) (mengiyakan)

ASN : - (Gangguan bunyi) Mungkin boleh ceritakan sikit – tentang tangkas dan kelembutan ni, adakah ia mempengaruhi – situasi ke pada zaman dahulu mana datangnya idea-idea (menggerakkan tangan) untuk rentak tari tu (gangguan bunyi).

ZBK : Tak tahulah ye macam mane dulu arwah nyai kalau kita salah (memandang keatas) pun ini tak – tak betul ni dia - - (ketawa kecil)

NAA : (Ketawa kecil)

ZBK : (Mengiyakan) Gitu - - jadi kita turunkan ke anak-anak (menunduk kedepan) sama lah (mengangguk)

ASN : (Serentak mengangguk dan mengiyakan) Ka- - kalau kita tahu tarian zapin ni dia dipengaruhi dengan – cara hidup latar belakang orang terdahulu. Mungkin cara dia nak menampi padi masuk kepada tarian zapin tu – jadi Parit Mastar ni [Pontian, Johor] macam mana dia punya pengaruh dia tu?

ZBK : Masalahnya gini – kalau kita pergi – solat Maghrib – sementara nunggu – waktu Isyak – diaorang belajar berzapin lah (senyum dan ketawa kecil).

ASN : (Serentak mengangguk)

MBM : - (Gangguan bunyi) Ni pergerakan zapin (memandang ke skrin telefon). Pergerakan zapin Parit Mastar – yang dapat di – ni - - pergerakan dengan pinggul ragam maju dan undur dan kuak kakinya sekali pergerakan – (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk)

MBM : - Perbezaan pompuan dengan laki biasalah kalau lelaki dia ade - - gah sikit – (gangguan bunyi) perempuan dia ade dia punya – (menggerakkan tangan) kelembutannya, lenggang-lenggoknya, gayanya, tu je caranya (mengangguk).

ZBK : Gayanya – (mengangguk).

ASN : **Oh, (mengangguk).**

MBM : (Mengangguk)

ASN : **Dia – apa unsur-unsur pergerakan tu (menggerakkan tangan)**

ZBK : Setiap pergerakan tu ade kiraan lah (mengangguk).

ASN : **Oh, (mengangguk)**

NAA : - **Tahu tak satu – pergerakan tu – tahu tak apa maksud dia?**

ZBK : Maksudnya ada (mengangguk).

MBM : (Mengiyakan)

NAA : **Boleh ceritakan?**

ZBK : - Boleh tak kalau – yelah - anak kita ni ceritakan lah tapi dia – anu lah – boleh? (menggerakkan tangan)

MBM : Tak - Mak cakap yang tu ragam asas.

ZBK : - Ragam asas - (berfikir)

MBM : Dia ragam asas (sambil betulkan kedudukan) dia ragam asas ni – dia memulakan pergerakan yang pertama lah (mengangguk) orang kata. Pergerakan yang pertama (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk dan mengiyakan)

MBM : Kita kalau macam ragam (berfikir dan pandang keatas) – sekat atau pusing – (mengangguk) diaorang kata pergi dan balik (serentak dengan ZBK) (mengangguk). Ragam menjut satu [1] – enjut satu [1] ni (memandang keatas) - - orang kata – pergerakkan dia melibatkan (menggerakkan tangan) orang kata ade enjut hentak (isyarat tangan hentak ke bawah) enjut – (mengangguk) pastu persamaan dia (menggerakkan tangan) pergerakkan yang asas tu kita akan ambik jugak (mengiyakan).

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Okay dia sebenarnya – (menggerakkan tangan) istilah enjut-enjut ni dia akan ade enjut dua [2] enjut tiga [3] – tu perbezaan dia ialah enjut – pusingan bunga dia lah (memusingkan pergelangan tangan).

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Okay macam ra- - ragam (menggerakkan tangan) – semut-semut, - semut-semut tu pergeakkan macam intinan semut lah (menggerakkan dua jari) paham tak?

ASN : (Serentak mengangguk)

MBM : Kalau – ada pergerakkan ape tu semua – kita akan tunjukkan lah (menggerakkan tangan) cara pergerakkan tu.

ZBK : (Mengangguk)

MBK : Okay kalau macam ragam Babunan – okay kat situ dia ade ragam babunan saya akan hantar *WhatsApp* [aplikasi] nanti tengok – (menggerakkan jari) dia punya ragam-ragam tu. Ragam babunan ni seperti istilah ayam. – Dia ayam - - (serentak) ayam betina (mengiyakan).

ZBK : Ayam betina (ketawa kecil).

MBM : Ayam betina ni kita panggil ayam babon (mengiyakan).

ZBK : (Ketawa kecil)

MBM : Dipanggil langkah babunan. – tu yang pelik sikit orang cakap apeni babon babon kan, babunan ni - -

NAA : (Ketawa kecil)

MBM : Ayam betina lah kalau nak tahu.

ZBK : Arwah nya atok nya dulu cakap gitu ikut aje lah (senyum).

MBM : Okay ragam serong ni (gangguan bunyi) – menyerong lah dan jalan kaki pergerakannya menyerong ke kanan (menggerakkan tangan ke kanan) dan ke kiri lah (menggerakkan tangan ke kiri) (mengiyakan)

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Pergerakkan dia - okay kalau nak lain-lain lagi ragam – sama jugaklah macam kopak istilah – ragam kopak tu macam bunyi silang langkah yang bagaimana untuk di (isyarat tangan dengan memusingkan pergelangan tangan) buat dalam pergerakkan – silang dia lah (mengangguk) (mengiyakan). Kalau wainab – untuk mengakhiri pergerakkan zapin (memusingkan pergelangan tangan) .

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Untuk langkah tu semua untuk mengakhiri pergerakkan zapin (memusingkan pergelangan tangan) dan untuk menamatkan – (mengiyakan) itu lah langkah wainab (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Setiap zapin tu mesti ada pergerakan itu (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk)

ASN : Jadi keseluruhan langkah tu adalah langkah babunan - - (gangguan bunyi).

MBM : (Serentak kehadapan) (meminta mengulang lagi)

ASN : Langkah babunan lagi- - langkah ape lagi (gangguan bunyi)

MBM : Langkah babunan – langkah serong – semut-semut.

ASN : (Mengangguk) Semut- semut.

MBM : - Tiga [3] tu je. Yang lain – dia ade (berfikir) ikutkan ade – dua belas [12] ragam (mengiyakan). Antara ragam yang pertama dia ragam asas (membuat simbol satu menggunakan jari) pastu ragam sekat – lepastu ragam enjut satu [1] enjut dua [2] enjut tiga [3] (mengangguk) enjut empat [4] enjut lima [5] (gangguan bunyi) lepastu ragam (serentak) semut-semut, babuna, pastu serong - pastu *last* [terakhir] sekali wainab pastu kopak - .

ASN : (Mengangguk)

MBM : Nanti saya akan bagikan pada (menunjuk ke skrin) - Aimi – saya ade *WhatsApp* [aplikasi] kan tu – nanti boleh tengok – sebab saya pun lupa nak hantar yang tu untuk menari dan ape semua tentang zapin Parit Master – untuk rujukan kan - saya pun terlepas pandang (senyum) saya baru - -

NAA : (Ketawa kecil) Takpe takpe (senyum).

MBM : - Takpe sebenarnya itu (gangguan suara) yang saya tertinggal ke ape – boleh rujuk dekat situ.

ZBK : (Mengangguk) - Nanti – nanti hantarliah – nanti anu dia (menggerakkan tangan) hantar tu aje – (mengiyakan) (ketawa kecil)

MBM : Okay (gangguan bising talian)

ASN : Untuk ragam tu. Ke dua belas [12] dua belas [12] ragam tu (menggerakkan tangan) mesti ada perbezaan antara lelaki dengan perempuan.

MBM : (Serentak mengangguk) Okay.

ASN : (Mengiyakan) Apa yang membuatkan dia berbeza tu (gangguan bising ditalian) mungkin gerakan tangan dia ke lengkok dia ke (mengangguk) – boleh ceritakan?

MBM : (Mengangguk) Okay perbezaan pergerakan langkah dia – lelaki – lelaki – mempunyai – pergerakan (berfikir) kuak kakinya yang lebih agresif (menggerakkan tangan) (serentak) dengan gerakan tangan dia (mengiyakan).

ZBK : (Serentak) gerakkan tangan dia kalau perempuan sebelah aje (menggerakkan sebelah tangan)

MBM : Kalau perempuan dengan pergerakan lenggang-lenggok (bunyi bising orang ketiga) dengan caranya yang tersendiri – mengikut pergerakan langkah (mengangguk).

ZBK : Yang sebelah pegang kain dagang sebelah (menggerakkan sebelah tangan) jalan (membuat gerakan tangan seakan menari).

NAA : (Serentak mengangguk) (gangguan bunyi talian)

ASN : Jadi dalam satu [1] lagu (gangguan bunyi talian) (menunjukkan simbol satu) satu [1] tarian ade dua belas [12] ragam – untuk menghabiskan dalam masa satu lagu tu ragam tu di – putar balik (menggerakkan tangan) diulang balikkah?

ZBK : (Mengiyakan)

MBM : Dalam - - maksudnya masa yang dihabiskan untuk gerakan langkah tu berapa minit ke macam mana?

ASN : (Mengangguk) – Iya.

MBM : Kalau menggunakan lagu kita- (berfikir) menggunakan lagu pergerakan langkah ini mengikut pergerakan lagu – lagu mengikut lima[5] minit lah selalu. Masa lima [5] minit.

ZBK : (Mengangguk) (gangguan bunyi)

NAA : (Serentak mengangguk)

ASN : - Adakah tarian ini – macam Puan Zubaidah kata yang dulu dua[2] pasangan (menunjuk isyarat dua) kalau sorang je boleh tak main? Solo je, saya tak nak pasangan ni.

MBM : Boleh (mengangguk).

ZBK : (Ketawa kecil)

MBM : Terpulang kepada kita – kita nak menari – bersendirian pun boleh - - individu pun boleh (mengangguk) – nak berpasangan pun boleh.

ASN : Kalau berkumpul pulak, aduh ajak mak bapak pulak boleh lah sekali menari- boleh ke?

ZBK : (Ketawa kecil)

MBM : (Mengangguk) – Boleh tak jadi masalah benda ni untuk menghiburkan kita - orang kata istilah menarilah (mengangguk) kan pergerakan kita tak kesahlah. Orang dulu – kalau – menari, selepas orang kata balik mengaji ke ape ke. Eh kita tak ade buat ape lah, marilah kita bersama-sama menari lah – (mengangguk) macam tu. Kalau sekarang - kalau ade aktiviti macam kat sekolah- kita orang barulah sibuk nak mengajar nak menunjukkan pergerakan ni (mengangguk). Tak kesah lah – nak tunjuk kat mana-mana pun boleh. So [jadi] benda ni orang kata – hibur - - hiburan kita lah (mengangguk). Bukan cakap benda ni tak payah fikir ke ape sebab benda ni melibatkan pergerakan kiraan satu [1] hingga lapan [8] dengan caranya tersendiri. Setiap zapin ade – bermacam-macam pergerakan.

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Terpulanglah pada kita mana kita boleh buat, kita lakukan. Kalau yang memang tak boleh (menggelengkan kepala) – biasalah - -

ASN : Okay, pada pandangan peribadi – Encik dan juga Puan, mana yang lagi cantik coraknya, adakah dimainkan secara berpasangan atau berkumpul atau pun solo? Mana satu yang lagi cantik yang lagi nampak meriah?

MBM : Okay perbezaan antara lelaki dengan perempuan yang mana yang lebih cantik kan, yang cantik selalunya - -

ZBK : Berpasang

MBM : - Lelaki lah – (mengangguk) lelaki pergerakan dia lebih agresif – nampak. Kalau perempuan ni lebih kepada kelembutan dan dia punya – kekemasan lah pergerakan. Kalau nak lebih cantik – berpasangan (menunjuk syarat tangan dua).

ASN : (Mengangguk) Berpasangan.

MBM : (Mengiyakan) – Tu lagi cantik (mengangguk).

ASN : Berdua sahaja (menunjukkan isyarat tangan dua [2]) atau ada lagi satu[1] pasangan (menunjukkan isyarat tangan satu [1]) ke?

MBM : Ape? (gangguan bunyi)

ASN : Berdua sahaja (menunjukkan isyarat tangan dua [2]) bersepasang sahaja atau pun dua [2] pasang?

MBM :- Tak kesah (menggeling) nak apa – antara berdua atau pun berpasangan – berpasangan pun tak kesah (mengangguk)

ASN : (Mengiyakan)

MBM : (Mengangguk) Satu [1] pasang boleh dua [2] (sambil membuat isyarat tangan dua [2]) pasang pun boleh (ketawa kecil).

NAA : Pada pendapat Encik – mana yang lebih cantik lebih meriah? (senyum)

MBM :- (Sambil menongkat dagu) Kalau boleh – kalau meriah – beramai ramai lah kalau dalam – pasukan kalau ada sepuluh [10] pasangan lah.

ZBK : Beramai-ramai (mengangguk).

MBM : Paling tidak pun lapan [8] lah (mengangguk) itu kalau – yang paling sikit lah.

NAA : Oh (mengangguk).

MBM : Sebab zapin ni orang kata – (berikir) pergerakan yang sama ragam yang sama untuk menonjolkan pergerakannya lah, dengan cara pergerakannya (gangguan bunyi) (mengangguk).

ASN : Kalau orang luar pulak masyarakat pulak dia lagi suka yang macam mana? Dia lagi mintak yang ramai penari atau pun dia minta yang berpasangan sahaja ke?

ZBK : Semua dia mintak (sambil memegang tudung).

MBM : - Semua ade, (menggoyangkan kepala) – terpulung pada kita lah (ketawa kecil) (gangguan bunyi). Kalau sorang (menunjukkan isyarat tangan satu[1]) – orang kata solo kalau – berpasangan – kita berdua - - berdua (menunjukkan isyarat tangan dua [2]) – kalau (serentak dengan ZBK) dengan beramai-ramai semua sekali lah.

ASN : (Serentak mengangguk)

MBM : Kalau pertandingan yang dilaksanakan mesti mengikut syarat yang ditentukan selalunya (mengiyakan) (mengangguk) .

ASN : Kalau dari segi persembahan?

MBM : Untuk - - kekemasan dan kecantikan selalu pergerakan (sambil memandang kebawah) beramai-ramai lah (mengiyakan) mengikut pergerakan aturan dan cara tersendiri (mengangguk) (mengiyakan).

ZBK : Kalau dimajlis pengantin kita sebut zapin rewang (senyum).

ASN : Oh, (serentak dengan NAA ketawa kecil)

ZBK : Pengantin-pengantin kita ambik jugak ramai-ramai (senyum) (ketawa kecil).

MBM : Tak pandai menari (menggeling) kita menari je (ketawa kecil).

ASN : (Serentak dengan NAA ketawa kecil)

ZBK : Jadi seronok (ketawa kecil).

NAA : (Mengangguk) – Betul (ketawa kecil).

ASN : Aimi boleh *proceed* [teruskan].

NAA : Jap eh (gangguan bunyi). – Nak tanya tentang muzik zapin ni - -

MBM : Oh ok (mengangguk).

NAA : - Jenis-jenis lagu yang digunakan macam mana?

MBM : - Lagu yang digunakan selalunya – lagu (menongkat dagu) Anak Ayam – Semerah Padi - -

ZBK : Dia datang (mengangguk).

MBM : Dia datang (mengangguk) lagu Ya Ladan –

NAA : Yang paling *famous* [terkenal] orang pakai lagu yang - -

MBM : - Lagu Ya Ladan lah.

ZBK : Lagu Ya Ladan (mengangguk).

MBM : (Menyanyi) Tinggi lah tinggi terbanglah tinggi.

ZBK : Itu arwah suami saya memang dia- - (mengangguk).

MBM : (Menyanyi) Terbang lah sampai Ya Ladan Ya Ladan Ya Ladan - -
(mengiyakan) mcamtu lah, sikit jelah (tersenyum) tak boleh banyak-
banyak. (gangguan bunyi ditalian)

**NAA : (Serentak ketawa kecil bersama ASN) – Rentak lagu yang sesuai dimainkan
untuk tarian zapin - Parit Mastar ni macam mana?**

MBM : - Lagu nya yang rancak (sambil memandang keatas) mengikut – *attitude*
[rentak] – gendang dengan atur cara yang pergerakan yang
dilaksanakan lah (mengangguk).

**NAA : Kalau yang – selain – yang rancak, yang *slow* [perlahan] pun boleh
digunakanlah?**

ZBK : Boleh takde masalah (mengangguk).

MBM : - Boleh tapi mengikut bip pergerakan muzik yang dialunkan lah – kalau
– bunyi macam *slow* [perlahan] pergerakan tu *slow* [perlahan] lah
(menggerakkan tangan ke kiri dan ke kanan) kalau – perge - - lagu tu
agak rancak (menggerakkan tangan) pergerakannya agak ran- - orang
kata laju sikit lah – orang kata .

**NAA : *So* [jadi] maknanya – muzik ni mempengaruhi lah langkah tarian zapin tu
(mengangguk).**

MBM : (Mengangguk) Muzik ni memang mempengaruhi segala gerakan yang
kita lakukan (senyum).

**NAA : Oh okay (mengangguk). – Sekejap eh (gangguan bunyi) – kebiasaannya satu
[1] – panjang- - satu lagu tu berapa minit – kebiasaannya.**

MBM : Satu lagu tu kita tengoklah (sambil memandang keatas) kepada lagu, kalau lagu Ya Ladan selalunya dekat enam [6] minit. Kalau lagu Dia Datang tak silap (berfikir) dalam tiga [3] minit (memejamkan mata) setengah gitu lah tak silap sayalah.

NAA : - Memang kebiasaannya akan guna- satu [1] lagu *full* [penuh] atau pun ade *cut* [potong] mana-mana ke?

MBM : - Terpulang (menggoyangkan kepala) mana-mana boleh - - kalau lagi bagus gunakan lagu *full* [penuh] lah kebiasaannyakita akan menggunakan lagu *full* [penuh].

NAA : Oh (mengangguk) okay. – Adakah muzik ghazal sesuai untuk tarian ni?

ZBK : Tak (menggelengkan kepala).

MBM : (Gangguan bunyi) – Ghazal – tengok pada rentak dia jugak, boleh – tapi ghazal dengan – orang kata (memandang keatas) muzik zapin berbeza – kalau ghazal dia- orang kata bunyi dia lain (gangguan suara orang ketiga) – dia ade lenggang-lenggok dengan cara lemah gemalainya (menggerakkan tangan) kalau zapin dia ade - - ape orang kata (berfikir) – lagu yang dimainkan tu mengikut pergerakan yang kita lakukan – dia mesti ade ragam kopak – ade maksud dia (mengangguk).

NAA : (Mengangguk) Betul-betul.

ZBK : (Mengangguk)

MBM : Mengikut pergerakan yang dilaksanakan (menangguk) itu dia beza dia. – Kalau orang kata ape – macam muzik zapin ni (memejamkan mata) – alat-alat dia bezalah tak sama (gangguan talian) (mengangguk dan mengiyakan). Dia cuma - - (menggosok hidung) ade pertambahan iaitu marwas lah dengan geduk. Marwas dengan geduk (menggerakkan tangan).

NAA : - Itu ape tu?

ZBK : Peralatan (mengangguk).

MBM : - Peralatan lah. Peralatan muzik yang tambahan.

NAA : Oh (mengangguk).

MBM : Marwas ni macam – bentuk - - (membuat isyarat tangan berbentuk bulat) apa (menggerakkan tangan).

ZBK : Untuk kopak.

MBM : Kompang tu macam kompang kecik kalau kita main dia macam- - (membuat bunyi suara seakan bunyi marwas sambil menepuk tapak tangan).

NAA : Oh (mengangguk dan mengiyakan).

ZBK : Tu nak kena ade empat [4] lah (mengangguk)

MBM : Kalau geduk tu (buat bunyi seakan geduk) yang macam ape – (menggerakkan tangan) gendang silat tu lah yang dia punya alat tu, dia untuk tu. Itu je perbezaan dia.

NAA : (Menangguk dan mengiyakan)

MBM : Kalau orang kata ade bunyi (membuat bunyi rentak zapin sambil menggerakkan tangan) kalau itu iye.

ZBK : Ha itulah ikut rentak tu (sambil menunding jari ke arah skrin).

MBM : Tapi kalau alat muzik dengan cara mesti (menggoyangkan kepala) jadilah orang kata kan (senyum).

NAA : Oh (mengiyakan) okay. So [jadi] – dua [2] benda tu wajiblah sepatutnya ada dalam tarian zapin lah (mengangguk).

MBM : Wajib ada (mengangguk). Kalau macam – gambus, kudian, (sambil menggerakkan tangan) itu semua – memang – orang kata ape gha- - ghazal ade tapi zapin pun ade (mengangguk). Penambahan pada tu jelah.

NAA : (Mengangguk) Boleh ceritakan sikit tak muzik – apa peralatan muzik yang biasa digunakan selain dua tadi?

ZBK : Ye yang pentingnya gambus, marwas (sambil mengira dengan jari) ape ni – lagi satu ape (bertanya pada MBM) - -

MBM : Kudian lah (memandang ke sisi).

ZBK : Kudian (mengira dengan jari) (berfikir) ape lagi – tulah tadi geduk tu.

MBM : Ha tulah (mengangguk).

NAA : (Mengangguk)

ZBK : Kurang empat [4] tu nak kena ade lah (mengangguk).

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk) Okay. - Kalau muzik yang sekarang – orang kan sekarang – guna muzik moden – agak-agak sesuai tak sebenarnya untuk tarian zapin?

MBM : - Terpulang kepada kita lah kalau macam – yang terbaru ni orang kata *viral* [tular] Dato' Siti yang nyanyi lagu 'Tujuh [7] nasihat' tu (mengiyakan) pon boleh masukkan (mengangguk). Boleh masukkan (mengangguk).

ZBK : (Mengangguk) Boleh masukkan.

MBM : Sebab dia punya pergerakan memang ade (memejamkan mata) lagu dia memang orang kata - -

ZBK : Ade rentak-rantak lah (mengangguk).

MBM : Ade rentak-rentaknya (mengangguk).

NAA : - Boleh cerita tak rentak yang kena ade – untuk kita masukkan dalam zapin? Untuk kita sesuaikan dengan zapin (senyum). Macam mana? Lagu tu mesti macam mana?

MBM : - Untuk sesuai – orang kata alunan muzik tu (memandang ke sisi dan menggerakkan tangan seperti alunan) kalau kata ade siap *part* [bahagian] (mengira) satu [1] dua [2] tiga [3] empat [4] – kita punya pergerakan – sama dengan *attitude* [rentak] lagu yang diberikan (menggerakkan tangan) kalau macam lagu yang ‘Tujuh [7] nasihat’ tak silap saya pun dia punya lenggang-lenggok dia pun setiap macam lirik lagu tu (membuat isyarat seakan garisan melintang menggunakan jari) lirik lagu tu kita boleh ikut dengan pergerakan – dia tamat mesti – dapat nombor satu [1] hingga empat [4] atau pun empat [4] hingga lapan [8] senang cerita pergerakan kita satu [1] hingga lapan [8] lah (menggerakkan jari tangan seperti alunan) .

NAA : (Mengangguk) Alina boleh teruskan (mengangguk).

ASN : - Balik kepada tadi Puan kata muzik ni dulu orang mainkan masa awal-awal dulu kan?

MBM : (Mendekatkan muka ke skrin) (mengiyakan)

ASN : Ma - - masing-masing masa dulu tu memang memainkan lagu Ya Ladan ke?

ZBK : Tak jugak. Dia boleh macam lagu-lagu jugaklah mainkan (mengangguk).

MBM : - Bermacam-macam lagu boleh mainkan tak seperti yang dikatakan.

ASN : (Gangguan talian dan suara bertindih) Sebagai contoh yang kerap dimainkan zaman dulu-dulu tu?

MBM : - (Meminta mengulangi soalan)

ASN : Sebagai contoh yang kerap dimainkan orang zaman dulu-dulu tu?

MBM : - (Berfikir)

ZBK : __

MBM : Dulu – orang kata macam – orang kata – lagu penasihat lah macam – orang kata selawat Nabi (sambil memejamkan mata) pastu orang kata memu - - memuji la macam orang kata – selain lagu Ya Ladan lagu ape eh (memandang ke sisi) Kasim Sarip orang kata – nama lagu tu mempengaruhi lah orang kata (mengiyakan) kalau lagu Anak Ayam (serentak dengan ZBK).

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Anak Ayam dari sepuluh [10] sampai satu [1] (ketawa kecil) dia ade lagunya la tu (menggerakkan tangan ke kiri dan ke kanan).

ASN : Oh (mengangguk dan ketawa kecil). Balik – kita pergi ke topik pakaian dan perhiasan pulak. Pakaiannya macam mana? (menggerakkan tangan)

MBM : Pakaian (memandang ke arah ZBK)

ZBK : Oh pakaian nya pakaian Melayu lah – baju kurung pesak kembang tu (ketawa kecil) orang dulu-dulu kan.

NAA : (Mengangguk dan ketawa kecil)

ZBK : Bertudung memang sopanlah pakaian nya.

ASN : Tadi Puan ade kata yang perempuannya sambil pegang kain – kat tepi, sebelah lagi tangan (menggerakkan sebelah tangan) jalan.

ZBK : (Mengangguk dan mengiyakan)

ASN : Ha macam mana tu kain ape tu macam mana?

MBM : Kain dagang.

ZBK : Kain dagang, dinyatakan kain dagang (senyum) yang dia pegang kain tu (membuat seakan memegang kain ditepi) (mengiyakan).

ASN : Sama ke macam kain batik, coraknya tu - - (senyum)

ZBK : Kalau orang dulu-dulu – kalau dapat soongket, songket. Kalau tak kain batik ajelah dengan kain pelikat (senyum) .

ASN : (Mengiyakan dan senyum)

ZBK : Kalau dulu-dulu nak bersanggul pun boleh nak bertudung pun boleh (mengangguk).

NAA : Lebih cantik - -

ZBK : Sekarang ni bertudung lagi cantiknya (mengangguk dan kebelakang membetulkan kedudukan).

NAA : Kalau dulu lebih cantik bertudung atau pun tak bertudung? (mengangguk)

ZBK : (Menggeleng) Tak kesah, mana – dulu dia macam siapa yang nak bertudung, bertudung, mana yang nak bersanggul, bersanggul (mengangguk).

NAA : (Mengiyakan)

ASN : Macam mana cucuknya tu (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala) selalu cucuk ape? Ade bunga tertentu ke perhiasan dia ke - -

ZBK : (Mengangguk) Ade, bunga cucuk yang goyang tu – yang - kalau sekarang ni dibagi bunga – bunga - - dulu bunga-bunga betul (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala) bunga hidup. Sekarang bunga palsu (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil)

ZBK : Tak sama kan, kalau dulu bunga yang kita tanam tulah (ketawa kecil) macam bunga raya, bunga ros – tu (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala) buat apelah tu buat susuk [sic, cucuk] sanggul tu. Untuk – untuk cantiknya (mengiyakan).

ASN : Kalau bajunya tu tak kesah ke warna atau pun kena warna terang - -

ZBK : (Menggeleng) Tak kesah, tak kesah nak – nak sama pun boleh nak warna-warni pun boleh (mengangguk). (Gangguan bunyi) Kalau sekarang ni buat pertandingan ya baju sedondonlah (ketawa kecil).

NAA : (Mengangguk dan mengiyakan)

ASN : Kainnya tu ade kain tertentu ke?

ZBK : (Mengangguk)

ASN : Kalau yang macam lelaki seluarnya tu kena kain ni kalau tak nanti kopak nanti ter – terkoyak nanti. Macam mana tu?

MBM : Atas buku lali.

ZBK : (Mengangguk) Kain dia kena atas buku lali sebab kena pergerakan kaki tu.

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk)

ASN : Jenis-jenis kain dia tak kesah ke?

ZBK : Tak kesah (menggeleng). Kain batik ke kain biasa ke tak kesah. Yang penting tinggilah jangan sampai bawah tak nampak kaki (ketawa kecil).

NAA : (Serentak mengangguk dengan ASN dan ketawa kecil) Kalau untuk perempuan atas buku lali kalau untuk lelaki ape kainnya?

ZBK : (Mengangguk) Sama jugaklah. (Gangguan bunyi talian) Dia sama buat -
-. Kalau dulu – pakai baju Melayu seluar Melayu dulu kan besar gitu bawah -

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Dengan songkok tinggi dengan kain pelikatnya lah (mengangguk).

NAA : Kain pelikatnya tu paras mana?

ZBK : Kain pelikatnya (berfikir) tu – kadang ade paras lutut, ade yang bawah sikit – tak kesah.

NAA : Okay (mengangguk)

MBM : Tapi memang - -

ZBM : Nak samping dalam pun boleh samping luar pun boleh.

NAA : - Dia ade maksudnya atau pun memang (berfikir) tak kesah?

MBM : Ade, ade maksudnya - -

ZBK : - Tak kesah – ade, ade jugaklah tapi tulah kalau samping dalam ape maksudnya ya? (ketawa kecil) (berfikir) Kalau orang dulu-dulu tu - -

MBM : Samping dalam – orang kata dah kahwin.

ZBK : (Ketawa kecil)

NAA : (Mengiyakan)

MBM : Samping luar (serentak dengan ZBK) bujang (ketawa kecil). Tapi tu mempengaruhi saja. Tapi tu tak kesah (menggeling). Terpulang pada kita, dah kahwin ke belum kahwin ke sama aje.

NAA : (Ketawa kecil)

MBM : Boleh pakai dua [2] dua [2] (senyum).

NAA : Okay (ketawa kecil).

ASN : Masa menari tu kan zaman dulu, (mengangkat bahu) kena pakai macam - - dulu kita tak pakai selipar kita pakai macam capal. Kena pakai capal ke atau berkaki ayam zaman dulu?

MBM : Berkaki ayam kan? (bertanya pada ZBK)

ZBK : Dulu memang pakai kaki ayam. Takde (menggeling) pakai ape-ape.

NAA : Oh (mengangguk).

ASN : Kalau sekarang pulak macam pergi pertandingan - -

ZBK : Terpulang kalau nak cantik pakai capal (ketawa kecil).

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Tapi bagi kita sedap kaki ayam lah nampak kaki (mengangguk).

ASN : Kalau pergi ke persembahan ke pertandingan ke memang berkaki ayamlah?

ZBK : Haah, (mengangguk) sebab dia ade ni – ape – ade kuit [langkah kaki] ade congak [langkah kaki] (sambil menegakkan tapak tangan keatas) – nampak kalau naik pakai capal tak nampak kan (ketawa kecil).

ASN : (Mengangguk) Kalau barang perhiasan selain cucuk sanggul tadi tu - - (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala)

ZBK : Sebab nak pacak [langkah kaki] pun nampak (mengangguk)

ASN : Kalau yang perempuan kena pakai gelang dia ke atau dia punya – nak pakai kain dagang tu kan orang zaman dulu ade dia punya tali pinggang yang besi tu memang kena pakai tu ke?

ZBK : Itu – tak kesah. Sebab tu kalau pakai tali pinggang tu takut terlucut (ketawa kecil)

NAA : Oh (ketawa kecil).

ZBK : Jadi pakaikan tali pinggang (mengiyakan). Pakai bengkung, boleh tak kesah.

ASN : Semua tu hak milik sendiri lah? Atau mungkin - -

ZBK : Seri dia lah (mengiyakan)

ASN : Atau didatangkan khas daripada mana-mana, dibuat khas daripada – seorang pembuat perhiasan ke. Kalau ade ceritakan.

ZBK : Itu terpulang pada kita lah untuk mencantikkan (mengiyakan) ditambah-tambahlah tu (ketawa kecil).

ASN : Perhiasan yang digunakan, sama ke dengan perhiasan orang berjoget yang lain? Joget, inang, sama ke cucuk sanggulnya tu yang bunga goyang-goyang tu diaorang pun guna jugak ke?

MBM : Guna je.

ZBK : Lebih kuranglah sama je. Tapi dulu kan yang serba kekurangan, jadi kita cuma ade bunga cucuk (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala) sanggul goyang tu aje dengan ape - kalau sekarang ni ade bunga- bunga yang anu tu (membuat gerakan tangan seperti cucuk sanggul bunga kembang dikepala). Tu aje. Cantik lagi, selitlah bunga hidup tu (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala) tepi (ketawa kecil).

NAA : Oh (mengangguk).

ASN : Bunga tu tak kesah ke bunga ape? Atau ade pantang larang dia?

ZBK : Tak kesah. Ade bunga selit ajelah (ketawa kecil) merah ke *pink* [merah jambu] ke (ketawa sambil menutup mulut).

ASN : Asal jangan bunga cengkih (ketawa kecil)

ZBK : (Ketawa besar) Bunga- - Tak, selalunya memang bunga raya bunga ros
tulah yang diguna, (sambil menggosok hidung) bunga siantan
(mengangguk). Siantan tu bunganya banyakk, tu boleh selit tu
(membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk sanggul di kepala)
(ketawa kecil).

**ASN : Kalau yang bunga goyang tu kan (membuat gerakan tangan seperti sedang
mencucuk sanggul di kepala) dia dulu memang yang besi tu ke?**

ZBK : Haah (mengiyakan) besi, tembaga-tembaga.

ASN : Oh (mengangguk). Sekarang jumpa lagi ke?

MBM : Dulu tembaga (mengiyakan) tapi tembaga- -

ZBK : Haah kalau dulu tu tembaga la (mengangguk)

**ASN : Tak berat ke pakai sambil (membuat gerakan tangan seperti sedang mencucuk
sanggul di kepala) menari tu?**

MBM : Kalau nak letak buah naga pun boleh (ketawa kecil).

ZBK : (Ketawa kecil) Mana kalau dulu ya serba kekurangan kan, ape ajelah
(ketawa kecil) ade bunga ape – bunga tanjung dicucuk-cucuk jadi ape- -
(ketawa kecil) jadi cantik.

ASN : Aimi.

NAA : Untuk lelaki ade tak perhiasan dia?

ZBK : Laki dia songkok aje dengan ni lah - - kalau dulu ade bulu ayam (ketawa
kecil).

MBM : Dulu songkok atau pun ape orang kata tanjak lilit lah, tanjak lilit
(membuat isyarat seakan melilit dikepala) kalau dulu-dulu
(mengiyakan). Pakaian kapas menutup aurat yelah.

**NAA : Ade tak - - oh, (mengiyakan). Ade had, ade had tak untuk lelaki perhiasan
lelaki? Ade had tak ?**

MBM : (Berfikir) -

ZBK : Macam biasa jelah (menggeling).

MBM : - Takde lah rasanya macam biasa je. Lelaki berpakaian Melayu, samping, bersongkok tinggi dua puluh [20] inci.

ZBK : (Ketawa kecil)

NAA : - Wajib – wajib pakai songkok tinggi ke?

MBM : (Mengangguk) Memang wajib.

ZBK : (Ketawa kecil)

MBM : (Menggoyangkan kepala)

ZBK : Kalau songkok tinggi tu, orang berzapin tu (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil) – Tadi ade -bagi tahu tentang kain dagang. – Kain dagang kan ade bermacam bentuk. Kadang ade orang pegang, kadang ade orang ikat kadang ade orang letak atas kepala. Itu ade maksud dia tak?

ZBK : (Menggeling) Tak adelah.

NAA : Takde - -

MBM : Dia cuma aksesori untuk seorang tarian [sic, penari] jelah. - Dia punya maksud – takde cuma – orang kata menutup aurat (gangguan bunyi) tu jelah orang kata untuk *cover* [menutup]. Kalau perempuan zaman dulu kan kain dia separuh je kan, kain tu untuk buat – orang kata makai kat tudung (membuat gerakan tangan seperti sedang memakai tudung dikepala) atau pun- dililit (membuat gerakan tangan seakan melilit kain) di bahagian tepi sahaja lah. Untuk orang kata untuk melindungi diri daripada – ape orang cakap (berfikir) daripada nampak orang lah jadi bagi – tutup auratlah.

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Kalau - yelah orang dulu-dulu serba kekurangan jadi kalau takde tudung tu, kain batiklah dia buat tudung (ketawa kecil)

NAA : Oh (mengangguk).

ASN : Boleh ke perempuan pakai seluar (menggerakkan tangan) pakai kain dagang atau pun joget zapin – zapin ni kena pakai kain jugak? Tak boleh kalau - -

ZBK : - Kalau perempuan memang eloknya pakai kain lah (mengiyakan) (mengangguk). Kalau lelaki memang pakai baju Melayu (mengangguk) pakai seluar lah bersamping.

NAA : - Sesuainya kalau – kalau peng - - kain tu dipegang atau diikat – sesuai yang macam mana dengan lagu zapin tu?

ZBK : Kalau perempuan ni macam cantik (gangguan talian) dipegang lah (membuat seakan memegang kain dagang ditepi) sebab sebelah lagi jalan menggunakan tangan kan (membuat gerakan tangan seakan menari).

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk)

ZBK : Kalau lelaki dia memang tangan dua [2] dua [2] jalan (membuat gerakan tangan seakan menari).

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk)

ZBK : (Ketawa kecil) Nak kena samping - - itulah sebab takut terlucut tu kadang dibagi bengkung (ketawa kecil).

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk) Betul (ketawa kecil)

ZBK : Kalau sekarang ni memang aksesori banyak, ade yang dipakaikan tali pinggang besi tu kan (mengangguk) nampak cantik (senyum).

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk)

ASN : Kalau – kalau nak yang lagi nampak cantik nampak macam *complete* [sempurna] satu [1] badan tu dengan perhiasannya, ape perhiasannya tu? Bajunya - -

NAA : (Mengiyakan dan mengangguk)

ZBK : Perhiasannya itulah yang – bertudung, lelaki memang dah *complete* [sempurna] lah pakai samping kan? (mengangguk) Kalau ade gelang, pakai gelang pompuan.

ASN : Tak kesah gelang ape?

ZBK : Gelang – tak kesah lah (mengangguk). Takkan nak gelang emas (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil)

ASN : Pulut dakap [nama gelang emas] pulak tu.

ZBK : (Mengiyakan) (ketawa kecil) Kalau emas nanti orang kata ‘banyaknya’ (ketawa kecil).

MBM : ‘Mami jarum’ (Gangguan talian)

NAA : Pakai gelang plastik – pakai gelang plastik sesuai tak untuk – untuk – zapin?

ZBK : (Menggeling) Kalau gelang kaki - - macam orang dulu macam takde pakai kat tangan aje. (mengangguk)

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Kalau dulu-dulu kan ade gelang satu [1] satu [1] tu (membuat gerakan tangan di pergelangan tangan) – sampai sepuluh [10] – gitu.

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Jadi nampak ramai [sic, banyak] bila – bila menari kan bunyi (membuat bunyi gelang berlanggar) (ketawa kecil).

NAA : Oh (mengangguk dan ketawa kecil)

MBM : Sebab kan kita biasa nampak - -

ZBK : Tambahan. Perhiasan tambahan. Takde pun takpe (menggeling).

ASN : Aimi?

NAA : Kalau sekarang - - yang kalau sekarang perhiasan kalu muka macam mana? *Make up* [solekan] tu?

ZBK : Make up [solekan] – kalau orang dulu-dulu ye memang ade – mesti ade bedak ade celak, cukup. Sekarang ni ade macam-macam (ketawa kecil)

MBM : *Eyeshadow* [solekan mata] la.

NAA : (Ketawa kecil) mempengaruhi.

ASN : (Membuat gerakan tangan seperti membuat solekan dipipi)

ZBK : Kalau dulu ade bedak, ade ape- *lipstick* [gincu bibir] (sambil mengira menggunakan tangan) ade- celak dah cukup (menggoyangkan kepala) (ketawa kecil).

NAA : Kalau - -

ASN : Celak pun tak sama dengan du- - dengan dulu.

ZBK : (Mengiyakan) Betul. Sekarang ni nak pakai bulu mata lah nak pakai – tak kesah lah macam-macam (ketawa kecil).

NAA : Kalau sekarang pergi pertandingan – perhiasan muka tu mempengaruhi tak markah atau pun - -

ZBK : (Mengiyakan) (mengangguk) Mempengaruhi. Mana yang cantik – dia ade markah tu.

NAA : Oh okay (mengangguk).

ZBK : Seri (mengangguk). Busana tu baju terbaiklah, busana tu.

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Baju terbaik pun ade (mengangguk).

NAA : Kebiasaannya kalau pertandingan -busana tu macam mana dia punya markahnya tu? Tengok cara ape?

ZBK : - Semua serba-serbi cantik lah (mengangguk).

NAA : Serba-serbi cantik?

ZBK : (Mengangguk)

NAA : Okay.

ZBK : Pakaiannya seragam (mengangguk). – Semua nak sama lah (mengangguk).

NAA : Mesti – dia kalau pergi pertandingan ni - wajib kena sama lah. Untuk dapatkan markah tu?

ZBK : (Mengangguk dan mengiyakan) Untuk dapat markah (ketawa kecil).

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Dia memang busana tersendiri, markah pergerakan ade sendiri (mengangguk) semua ade.

NAA : (Mengiyakan) – Kita teruskan dengan tema yang seterusnya – tema penari. – Ape kriteria bagi pemilihan penari?

ZBK : Maksudnya pemilihan ape ye? (berfikir) Yang tercantik?

NAA : - Penari tu mesti kena macam mana untuk menari zapin?

ZBK : Tengok pada (pandang ke sisi) kadang budak ni ade yang lembut, ade yang keraskan? (mengangguk)

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Tak kesah lah mana yang cantik kita ambik lah.

NAA : Pastu mesti yang kena - -

ASN : Maksudnya tak kesah?

ZBK : (Gangguan bunyi di talian) Kita pilih lah nak hantar yang pertandingan tu mana yang boleh lembut anu- - kadang budak ade keras macam kayu tak boleh lah nak bawak bertanding (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil) So [jadi], kriterianya memang kena lembutlah? Kalau - -

ZBK : (Mengiyakan) Sebab ramai (mengangguk) kita pilih lah.

MBM : Kalau untuk pertandingan selalunya juri akan melihat kekemasan pergerakannya mengikut – betul atau pun tidak kiraan *rhythm* [irama] sama dengan orang kata – (sambil menggerakkan tangan) lagu – dengan pergerakan tu sama ragam. – Ape orang kata sesuai untuk – kalau orang kata kalau pergerakannya yang dibuat tu betul atau pun tidak. (Mengiyakan) – Selalunya gitu jelah kalau juri (mengangguk).

NAA : Kalau perempuan tu ditengok kelembutan, kalau lelaki tu nak tengok macam mana untuk kita ambik sebagai penari?

MBM : - Orang kata kegagahan dengan pergerakannya lah yang dibuat selalunya (mengiyakan).

ZBK : Selalunya (membetulkan tudung).

NAA : Oh (mengangguk). – Adakah pergerakan - -

MBM : Pergerakan tu – pergerakan tu (sambil membuat gerakan tarian menggunakan kedua tangannya) ragam – sama – orang kata dengan cara dia lah. Terpulang kepada orang kata juri. Juri akan melihat kepada kekemasan selalunya dengan keangkuhannya, pergerakannya – selalu gitu lah (mengangguk).

NAA : - Penari ni kena – adakah penari ni dipilih yang berpe- - berpengalaman dari segi tarian zapin? Atau pun tak? (menggeleng)

MBM : - Selalunya kalau tu – terpulanglah pada kita. – Memang pilih pada penari yang boleh menarilah. Kalau kita pilih yang tak pandai menari untuk menari, pening jugak kita nanti (senyum).

NAA : (Ketawa kecil)

MBM : Selalunya kita akan ambik pada yang boleh menarilah orang kata. Pergerakan – setiap orang kata kalau yang pandai menari selalunya kalau bagi pergerakan dia akan terus dapat. Kalau yang tak pandai menari selalu memang akan agak makan masa yang lama lah untuk dapat seorang tu untuk menari (mengiyakan). Terpulang pada kita untuk dapatkan pergerakan tu. Selalunya memang susah (mengiyakan).

NAA : (Mengiyakan)

MBM : Nampak macam senang tapi susah. Tapi kalau siapa dah ade kan – jati diri dia kan. Siapa yang ade - -

ZBK : Ikhlas (mengangguk).

MBM : Ikhlas untuk nak menari – akan dapat. Lagi kerap - -

NAA : (Mengangguk) Kalau - -

MBM : Satu [1] sampai lapan [8] terus (menggoyangkan kepala) dapat.

NAA : (Mengangguk) Kalau nya - - (gangguan talian) kalau dia asas tari - - dia boleh menari tarian tapi dia tak reti tarian zapin. Macam mana tu? Kita boleh ambik dia atau pun tak?

ZBK : Kita boleh ambik dia juga. Boleh (mengangguk) sebab dia ade asas tu.
Lenggang-lengkok dia dah pandai. Ha tu dia tahulah nanti (senyum).

NAA : Oh okay (mengangguk). – Ade had umur tak - penglibatan tarian zapin?

ZBK : Tak kira had (mengiyakan). Mana yang minat - - (menggoyangkan kepala)

NAA : Paling kecil berapa yang pernah Puan dengan Encik ambik? Paling kecil?

ZBK : Paling kecil (berfikir) daripada tadika lah.

MBM : Tadika.

NAA : Oh, yang paling besar?

ZBK : Lima [5] enam [6] tahun tu dah boleh diajar.

MBM : Dia – lima [5] enam [6] tahun dah boleh.

ZBK : Kita pernah ajar ni kat sekolah budak tadika lima [5] tahun dengan enam [6] tahun (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk). Yang paling besar umur berapa? Yang pernah diajar.

ZBK : Dia – kalau paling besar (pandang ke sisi seakan berfikir) kalau sampai peringkat U ya sampai dua puluh [20]-an jugaklah (ketawa kecil).

NAA : Oh (mengangguk). Ade tak orang tua, orang-orang dewasa yang nak belajar zapin ni?

ZBK : Ade (mengangguk). Masa tu kita nak ber – pertandingan ni ape - -

MBM : Jabatan - -

ZBK : Jabatan (mengangguk).

NAA : (Mengiyakan)

ZBK : Orang yang berumur empat puluh [40]-an pun kalau minat. – Cantik lagi (ketawa kecil).

NAA : Kalau orang - zaman dahulu - lebih ramai orang dewasa atau pun yang kanak-kanak?

MBM : Dewasa.

ZBK : Dewasa lah (mengangguk).

NAA : Kalau orang dulu lebih ramai dewasa lah (mengangguk).

ZBK : Daripada umur dua belas [12] tahun ke sampai dua puluh [20]-an lah (mengangguk dan betulkan kedudukan kebelakang).

NAA : - Ade tak bangsa lain yang turut serta dalam tarian zapin ni?

ZBK : Ade, Cina (maju ke hadapan) berminat (mengangguk).

NAA : Oh, boleh ceritakan tak macam mana situasi *time* [masa] tu?

ZBK : (Senyum) Dia kalau – sini – kampung kita memang tak ade lah Cina kan, kurangkan. Dia daerah Segamat [Johor] banyak (mengangguk). Dia ade masatu pertandingan ade budak Cina semua. Hebat lagi (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk). (Serentak ketawa kecil bersama ZBK)

MBM : Tak kesah lah zapin ni orang kata tak mempengaruhi antara Melayu ke bangsa lain tak - - . Semua boleh (menggerakkan tangan).

ZBK : Mana yang berminat.

MBM : India, Cina, Melayu, kita satu [1] Malaysia (membuat isyarat satu[1]) (ketawa kecil).

NAA : Okay (ketawa kecil). Maksudnya rakyat – rakyat negara lain pun berminat tak dengan – tarian ni?

ZBK : Ade (mengangguk)

MBM : - Berminat jugak (mengangguk).

NAA : Berminat jugak (mengangguk). – Ape yang – menyebabkan Encik dan Puan menyatakan – orang negara lain pun berminat?

ZBK : Sebab hari tu ade (berfikir)- festival zapin tahun berapa ye (berfikir) dalam - -

MBM : Dah lama.

ZBK : Dalam dua ribu sepuluh [2010] kot, yang ade luar negara dipanggil - - Banyak jugaklah yang berminat datang berzapin (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk) macam mana - -

MBM : Dia tak lama lah (menggeleng). Dia *time* [masa] - -

ZBK : Tapi cuma lain-lain anu nya lah (mengiyakan).

NAA : (Mengangguk dan mengiyakan) Tapi – mereka ade berminatlah untuk menari?

ZBK : (Mengangguk) Minat.

NAA : - (Berfikir) Masa tu - - diaorang punya perala - - diaorang punya situasi macam mana? Ramai macam mana ke atau pun meriah?

MBM : Dia cuma - -

ZBK : Meriahlah (mengangguk)

MBM : - Bertanya pastu dia nak tengok pergerakan sikit dia ambik gambar itu *interview* [wawancara] sikit dah lah tu je.

NAA : Oh (mengangguk). Adakah diaorang turut serta untuk belajar zapin?

ZBK : Kalau (berfikir) dia minat (mengangguk) tak kesah lah ikut pada - -

MBM : Ade yang minat ade yang tak. Tengok jugak dia ade tanya macam mana pergerakan ni boleh berlak, macam mana cara-cara pergerakan boleh dilaksanakan (mengiyakan) itu jelah (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk).

MBM : Macam dia jugak ade menari-nari dia jugak lain - -

NAA : Ade jugaklah?

MBM : Lain negara lain cara-cara dia. Tapi diaorang lagi bagus dia punya menari. Macam-macam ade.

ZBK : (Ketawa kecil)

MBM : Kalau lagu - dia punya rentak lain macam. Ade pel - - (berfikir) antarabangsa tak silap kan, (memejamkan mata) masa tu dah lama dah. Macam-macam penari ade (mengiyakan)

ZBK : Semua datang.

MBM : Semua datang (mengiyakan).

NAA : (Mengangguk) – Diaorang - turut serta belajar zapin ke?

MBM : Dia tak jugak lah dalam - -

ZBK : Tak jugak dia - -

MBM : Sebab dia datang cuma tengok - - *Miss please follow me* [Cik, sila ikut saya] *this like this* [seperti ini] (mengiyakan).

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : (Ketawa kecil)

MBM : Mana yang boleh dia ikut - - (ketawa kecil) macam tu jelah.

ZBK : Mana minat ikut. Suka-suka lah dia (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk) okay. – Setiap penari perlu (gangguan talian) mengikuti pantang larang? Atau pun ade tak dari segi pemakanan atau pun sebagainya? Pantang larang untuk penari zapin.

MBM : Takde lah sebenarnya perbezaannya Cuma yelah – orang kata nak ikut gaya sendiri. Yang asli mesti kekalkan, yang orang kata dikoreografikan untuk bentuk lain terpulang kepada individu masing-masing. Yang penting yang asli tu tetap – orang kata yang utama lah (mengangguk). Kita takut ubah - -

NAA : Itu tak - - oh (mengangguk). Sebab pantang larang tu - - asas tari tu ialah pantang larang lah wajib kena ade dalam tarian zapin lah?

MBM : (Serentak mengiyakan dengan ZBK) (mengangguk) Yelah.

NAA : - Pernah tak berlaku kat mana-mana peserta datang dengan bukan kerelaan hati?

ZBK : Macam (berfikir) tak pernah lah sebab kalau dia datang tu mesti minat lah (ketawa kecil). Dia datang nak belajar kan (senyum) satu [1] hari datang - -

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Dia - kebanyakan ni orang U banyak (mengiyakan). Hari tu kita dah –
Universiti Malaya, U - - ape (berfikir) ASWARA, (mengangguk) kita
dipanggil kesana.

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Ni kalau (ketawa kecil) tak ade PKP ni memang kita dipanggil dah
(senyum).

**NAA : So [jadi] tak pernah lah ade peserta yang datang belajar bukan dengan
kerelaan lah. Semua dengan rela hati?**

ZBK : Dengan rela hati (mengangguk). Dia minat lah (mengangguk)

NAA : Oh (mengangguk) okay.

ZBK : Kalau takde PKP ni memang tiap-tiap tahun mesti ade yang datang
(mengangguk) nak belajar. Satu [1] hari kita belajar (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Dari jauh-jauh datang. Bila datang sendiri kita nampak sendiri kan (ketawa
kecil)

ASN : Selalu yang jauh-jauh datang tu dari mana? (gangguan talian)

NAA : Paling jauh tadi datang dari mana?

ZBK : Dari KL [Malaysia], dari (berfikir)

MBM : (Mengalih pandangan kepada ZBK)

ZBK : Dari KL [Malaysia] lah banyak (mengangguk).

NAA : Diaorang datang memang – memang untuk belajar zapin lah?

ZBK : (Mengangguk) Memang buat anu - ape – memang buat temujanji lah.

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Kita sedialah nanti (menggaru bahu).

NAA : Oh (mengangguk).

ASN : Datangnya tu berkumpul ke sorang ke?

MBM : Ape dia? (melihat ke skrin)

ASN : Berkumpulan ke sorang-sorang?

ZBK : Beramai lah kadang satu [1] kereta – dua [2] kereta (mengangguk).

MBM : Beramai.

NAA : Pernah tak datang seorang sahaja untuk belajar zapin?

ZBK : Macam tak ade (mengiyakan).

NAA : Oh (mengangguk).

ZBK : Dia mesti datang beramai-ramai (mengiyakan).

NAA : Okay (mengangguk dan ketawa kecil).

ZBK : Asalkan sambung belajar (mengangguk dan ketawa kecil).

MBM : Jaranglah orang datang sorang-sorang (ketawa kecil)

NAA : (Serentak ketawa bersama ASN)

ZBK : Paling pun kalau dia dah terdesak sangat – berdua bertiga tu serba sikit ade lah (mengangguk).

NAA : Oh (mengangguk) ade lah berdua bertiga tu adelah?

ZBK : Ya (mengangguk).

NAA : Okay Ina boleh teruskan.

ASN : - Kalau kita pergi ke latihan,tadi macam Puan Zubaidah kata nak menunggu lepas waktu maghrib tu kan, masa zaman dulu-dulu berlatih menari zapin, dekat mana selalu tempat tu?

MBM : - Tengok keluasan lah.

ZBK : Tengok tempatlah kalau – tempatnya luas – tu (berfikir) kat rumah jelah. Kalau tak pun di balairaya lah (mengiyakan)

MBM : Dekat halaman rumah tak kesah lah ruang-ruang yang mana boleh untuk kita menari. Tak kesahlah kadang kat bilik air pon menari jugak (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil bersama ASN)

MBM : Contoh lah (ketawa kecil) takde lah kan. Yang penting dia ade tempat untuk ruang untuk menari lah(mengiyakan). Laman, dekat balairaya, gelanggang silat pon boleh, gelanggang badminton pun boleh. Tak kesah lah mana-mana tempat yang boleh untuk – orang kata nak menari lah (mengiyakan).

ASN : Masa awal-awal zaman dulu tu, masa Puan kecik-kecik dulu kan, memang ade bela- - satu tempat khas ke untuk menari? Mungkin bilik - -

ZBK : Takde (menggeling) dirumah-rumah lah (mengangguk). Masa belajar dirumah lah kalau dulu kat rumah bapak kita. Sekarang ni kita dah ade rumah sendiri, kita buat kat rumah kita lah (mengangguk). Kecuali nak bertanding, nak pakai ramai orang kita pergi ke balairaya lah.

MBM : PKP tak boleh menari (ketawa kecil).

ZBK : (Ketawa kecil)

ZBK : Semua orang kita pergi ke balai raya lah.

MBS : PKP tak boleh menari (sambil ketawa).

ZBK : Kalau tak kita pusing aje.

MBS : *Challenges* [cabaran] (sambil ketawa).

ZBK : Dah masuk dua [2] tahun lengang aje (sambil menunjukkan simbol tangan nombor dua). Kalau tak tiap-tiap tahun mesti ada. Kalau tak bertanding pon orang belajar ada kita dibawak juga. (sambil mengangkat angkat tangan). Selalunya kalau dekat memang ambil kita. Sebabnya orang-orang ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Johor] tukar-tukar orang kan. Jadi amik banyak orang lah. (sambil memusingkan tangan). Dia nak datangkan untuk sendiri. (sambil mengangguk).

ASN : Selalu latihannya berlatih hari apa ?

ZBK : Kalau diorang nak zapin ye dalam satu hari tuh zapin aje pagi petang.

ASN : Owhhh. Pagi ke petang.

ZBK : Haah (mengangguk). Tukar-tukar orang lah sebab ramai (ketawa kecil). Tak kira Melayu, Cina, India semua ada.

ASN : Dalam seminggu tu berapa hari ?

ZBK : Dalam seming—tapi kalau kita diambik dia dalam dua [2] hari ke tiga [3] hari gitu (mengangguk).

ASN : Owhhh. Dia ambik—

ZBK : Kalau kat rumah seminggu dua [2] kali lah. Tiap cuti sekolah. Dulu (sambil memandang keatas) --dulu Sabtu--dulu Jumaat Sabtu kan cuti sekolah.

ASN : Sabtu Ahad. Sekarang Jumaat Sabtu.

ZBK : Kalau -- kalau sekarang Sabtu Ahad. Sekarang nih dah Sabtu Ahad kan (sambil mengangguk). Tapi kita Johor dah mula Jumaat Sabtu kita ambik lah Jumaat pulak (sambil ketawa). Terengganu Kelantan sama kan Jumaat Sabtu (sambil menunjukkan isyarat tangan dan ketawa). Kalau lain memang hari minggu lah terpaksa kita kadang kalau kerja kita ambik cuti lah kalau hari minggu (mengangguk). Sebab kalau hari minggu kita dah kerja (menggangguk dan mengusik hidung).

ASN : Jadi memang masa dia tak tentu lah dalam sehari tuh pagi ke petang ke atau pagi tu sampai ke tengahari kejam kita berhenti sekejap rehat sambung petang ke ?

ZBK : Kadang ada kalau yang jauh-jauh tu dia satu hari lah pagi petang lah ada rehatnya ada makan tengaharinya sarapannya (mengangguk). Diorang bawak sendiri (memusingkan tangan). Dia tak kasi kita susah-susah. Tapi kita sediakan jugak lah takkan kita kasik air ke apa-apa biasalah kalau orang kita nih mesti nak ada jugak kan.

NAA : Betul.

ZBK : Diorang cakap “ Jangan susah-susah maccik. Nanti diorang bawak sendiri-sendiri.” Makan sama-sama lah (sambil memusingkan tangan). Kita pon masak jugak yang ringkas-ringkas lah (ketawa kecil).

ASN : Masa awal nak berlatih tu mungkin ada senaman ringkas dia ke ? Kalau ada boleh cerita kan tak ?

ZBK : Ada jugak lah bukak nih kata orang nih apa senaman- bukak apa tuh namanya ? (sambil memandang anaknya) senaman asas ye ?

ASN : Untuk regang-regangkan otot-otot tuh.

ZBK : Haah ada ada (sambil mengangguk). Ringkas-ringkas aje lah

NAA : Wajib kena ada atau tak ?

ZBK : Kalau boleh memang wajib lah sebab kita nak bergerak kan (sambil mengangkat tangan). Simple aje lah.

ASN : Ada ke petua orang zaman dulu ke sebelum latihan kena minum air nih ? Mungkin kalau ada boleh kongsi.

ZBK : Takdelah biasa je (sambil menggeleng). Kalau orang dulu-dulu biasanya tarik napas apa tu- tu biasalah (ketawa kecil). Buat renggangan sikit dah.

ASN : Kalau ikut situasi sekarang nih dengan Covid-19 nih, latihan masih dijalankan ke ? Mungkin dengan cara yang lain.

MBS : Kalau Covid boleh menari tengok tak boleh dah (sambil menjeling ke ibunya)

ZBK : Ni tak boleh lah sebab-

MBS : Sebab arahan kerajaan (sambil ketawa). Duduk rumah takde dah.

ZBK : Diri sendiri dengan anak-anak ni boleh lah.

MBS : Boleh lah.

ZBK : Orang luar tak boleh datang (ketawa).

ASN : Habistu kalau mcam buat dekat FB- Facebook Live ke, ada buat tak latihan untuk atucara alam maya ?

MBS : Sebenarnya boleh je (sambil mengangguk).

ZBK : Boleh, untuk diri kita sendiri lah (sambil mengangguk). Kalau untuk orang luar datang takut jugak lah. Nanti kan kata tak ikut arahan (ketawa).

ASN : Oh maknanya adalah buat secara *online* [alam maya]?

MBS : Ada - - ada buat (sambil mengangguk).

ZBK : Ada - - ada (sambil mengangguk).

NAA : Boleh kongsi tak ?

MBS : Nak suruh menari ke ? (ketawa)

ASN : FB – Facebook apa yang digunakan.

ZBK : Nak tengok jugak ek?

MBS : Nanti boleh *adjust* [melaraskan] sekejap.

ZBK : Nak tengok jugak ye ? (tersenyum lebar)

MBS : Ke nak hantar video je ? Ke nak tengok sekarang *live* [secara langsung]?
(ketawa kecil)

ASN : Boleh, *live* [secara langsung] ni pon boleh.

MBS : Nanti lah pengakhiri *last* [akhir] - - *last* [akhir] nanti kita bukak. Tunggu sikit.

ASN : Okay okay.

MBS : Sikit je lah tak banyak.

ZBK : Tak puas hati jugak ye tak nampak gayanya ek.

ASN : Ya, tak puas.

ZBK : Ni kalau tak PKP ni mesti datang nih (tersenyum lebar).

NAA : Haah betul (sambil mengangguk).

ASN : Susah lah sekarang macam nih.

ZBK : Tahu takpe (ketawa kecil). Takpe lah mudah-mudahan kita doa mudah-mudahan nih apa hilang anu dia boleh kita beroperasi lagi (ketawa kecil)

ASN : InsyaAllah aminn.

ZBK : Kalau di sihatkan badan boleh lah sikit-sikit. Tapi kita dah tubuhkan anak-anak lah. Ada empat [4] orang lah anak-anak dah tahu zapin ni. Pergi mengajar-mengajar pon kita bawak anak lah. Nak kita terus-menerus. Maklumlah usia dah (ketawa).

NAA : Cucu dah ada yang tahu belum ?

ZBK : Kalau terus-menerus pon lepak jugak (ketawa).

NAA : Cucu dah ada yang tahu belum ? Zapin ?

ZBK : Ya ?

NAA : Cucu dah ada yang tahu belum ?

ZBK : Ada jugak lah (sambil mengangguk). Tapi asas-asas. Tapi nih oleh kerana nih banyak sekolah banyak ini jarang balik kan. Tapi anak cucu kita semua duduk Johor lah. Ini tapi pon memang tak boleh anu raya pon tak jumpa (ketawa). Daerah pon tak boleh rentas macam mana nak balik. Rayanya memang paling sedih lah kita. Cucu tak kumpul (ketawa kecil).

ASN : Beza tak zaman dulu dengan zaman sekarang punya latihan ?

ZBK : Haah, sedihkan memang. Macam adik ni kan kalau dah belajar kan tak boleh balik (ketawa kecil). Sambung lagi ya ?

ASN : Ya ?

ZBK : Masih berapa tahun lagi ?

ASN : Tinggal tahun depan dah habis dah-

ZBK : Ya

ASN : Tahun depan pertengahan dah habis.

ZBK : InsyaAllah nanti kalau ada masa kalau nak datang dipersilakan lah kita ke rumah-

NAA : InsyaAllah

ZBK : Rumah sentiasa terbuka (ketawa kecil)

ASN : InsyaAllah.

ZBK : Kalau dah boleh rentas negeri (ketawa) boleh bersua kita.

ASN : Beza tak cara latihan dulu ? Mungkin dulu cikgunya garang ajar, sekarang tak garang sangat.

ZBK : Dia nih kalau di sekolah – sekolah mana yang gurunya minat dia panggil kita (sambil mengangguk). Kalau gurunya tak minat memang tak ambik lah sekolah tuh. Tapi kebanyakan ramai lah sekolah – sekolah nih yang dekat – dekat nih ngambik. Ni sepatutnya ada dua [2] sekolah nih. Ngajor. PKP terberhentilah. Tapi ini lah wakil anak lah. Kita datang sekali – sekali aje. Memang yang selalu anu yang zapin anak kita ni lah. Sebab dia duduk serumah dengan kita. Lain – lain dah masing – masing. Baru – baru ni pon baru anak kita nikah pon belum di rambai lagi nih (ketawa kecil). Dua [2] – dua [2] nikah PKP (sambil ketawa).

ASN : Anak yang empat [4] – empat [4] orang yang turun menurun tu ? (sambil menunjukkan simbol tangan nombor empat)

ZBK : Yang bungsu nih bulan dua haritu buat pernikahan (sambil mengangguk). Cuma belum resmi lah sebab PKP (ketawa).

ASN : Nama keempat – empat [4] anak Puan yang-

ZBK : Haah tu lah dia tuh (mengangguk). Dari nombor empat [4], lima [5], enam [6] nih semua tahu menari (sambil menunjukkan isyarat nombor di tangan). Tahu zapin.

ASN : Siapa namanya ?

ZBK : Tu lah wakil kita lah tuh kalau ada mintak lah dia bantu lah.

ASN : Nak namanya.

NAA : Yang nombor satu [1], dua [2], tiga [3] tuh, tahu tak tentang zapin ?

ZBK : Tahu lah asas – asas lah. Tapi sebab dia dulu dia ada belajar, kerja, tu jadi tak sempat. Dia tak duduk sini dia pergi kat luar kawasan kan. Ada yang dulu ada yang belajar kat Perak, ada yang belajar kat U kan. Jadi tak sempat, jauh kan.

ASN : Yang nama empat [4] orang anak yang boleh menari tuh, Siapa namanya ?

ZBK : Ya ?

ASN : Siapa nama anak Puan yang boleh menari tuh yang boleh menjadi tenaga pengajar jugak tuh ?

MBS : Nama Siti Masalah –

ZBK : Oh nama anak kita ? Dulu yang nombor tiga [3] boleh jugak (sambil menunjukkan isyarat tangan) Siti Masfuzah, Masselih, Siti Masturina dan Siti Masalah. Empat orang lah (ketawa kecil). Tapi yang aktif empat orang ni lah.

NAA : Dulu - - pengajar - - boleh cerita tak dulu tenaga pengajar yang dulu macam mana dengan tenaga pengajar yang sekarang ?

ZBK : Tenaga yang dulu - - dulu memang disiplin betul. Kalau tak betul sebat sekali (ketawa). Kalau yang sekarang ya kita tegur aje lah. Kita kita gitu.

NAA : Kalau - - kalau sekarang kalau buat macam dulu boleh tak ?

ZBK : Lari gaknya budak (sambil ketawa).

MBS : Saman.

ZBK : Sekarang kat sekolah mana boleh pukul (ketawa).

MBS : Lagi dengan budak – budak.

ZBK : Tapi kita pon tak sampai hati anak orang kan (ketawa kecil). Nasihat aje lah sekarang nih.

ASN : Aimi ?

NAA : Cara ajar dulu - - okay bezanya dulu garang lah. Kalau sekarang kalau ajar diorang macam mana ?

ZBK : Nak kena sabar lah kita. Kalau budak tadika lagi (sambil pusingkan kepala dan ketawa). Kalau dia dah penat baring lah apa lah. Kita pujuk lah.

NAA : Kalau ajar memang akan ajar dari asas dulu lah ?

ZBK : Haah. Ye lah (sambil mengangguk). Tapi kalau yang berminat dia cuba asyik belajar je. Minat (mengangguk). Kalau tak minat nak tanak gitu lah

(ketawa). Nanti kita pilih lah mana yang okay kita ambik lah. Jumpa yang dah tak minat.

NAA : Latihan nih biasanya kalau untuk seseorang kebiasaannya berapa lama untuk betul – betul dia boleh menari ? Berapa lama latihan yang dia perlukan ?

ZBK : Ikut dia lah. Kalau - - ada jugak lah kalau dia penat rehatkan dulu. Nanti sambung balik (sambil mengangguk).

NAA : Kebiasaannya seorang penari tu berapa lama ? Boleh menari. Dia perlukan latihan berapa lama ?

ZBK : Tak kisah. Kita ajor siapa – siapa yang nak tak kisah lah kita.

MBS : Satu [1] jam ataupun dua [2] jam pon boleh.

ZBK : Dua [2] jam lah seelok – eloknya. Tapi ada rehatnya lah.

MBS : Kena ada rehat lah.

NAA : Untuk - - untuk jadikan seorang penari yang betul satu [1], dua [2] jam dah cukup lah untuk - - untuk dia jadi seorang penari ?

ZBK : Kalau betul – betul dah mahir baru kita tambah lagi pergerakan (mengangkat tangan dan mengangguk).

NAA : Kita teruskan dengan tema persembahan. Jap ek. Tarian ini sesuai dipersembahkan hanya majlis tertentu atau semua majlis boleh ?

ZBK : Semua majlis boleh.

NAA : Contoh majlis yang boleh digunakan ?

ZBK : Majlis-majlis macam yang kerja kahwin, sambut menteri – menteri nak datang pergi ke kampung-

MBS : YDP – YDP (tersenyum lebar)

ZBK : YB – YB. Tu selalu kita sambut (ketawa kecil). Kalau memang sambutan di Kampung Parit Mastar ni setiap mesti ada apa apa mesti ada zapin.

MBS : Memang lumayan lah

ZBK : Ada kompang, zapin, silat.

NAA : Dari persembahan - - dari segi persembahan ni ada tak dikenakan cas bayaran ?

ZBK : Kalau di kampung sendiri ni tengok anu lah siapa yang kalau YB yang ambik dia sendiri faham lah adalah dia bagi saguhati (mengangguk dan tersenyum). Kita tak - - tak dikenakan dia tahu sendiri bagi (sambil memusingkan tangan).

NAA : Terpulang kepada yang minta lah ?

ZBK : Haah (sambil memngangguk dan tersenyum lebar).

NAA : Kebiasaanya berapa ? Berapa satu persembahan tu berapa ?

ZBK : Kalau macam --

MBS : Kalau kitaorang persembahan tiga ratus [300] (sambil memandang ibunya).

ZBK : Tak, persembahan yang dekat – dekat sini dalam tiga ratus [300] ke berapa gitu lah. Kalau yang jauh sebab nanti ada kenderaan anu apa semua kita cas lah (mengangguk).

NAA : Cas tu dikenakan untuk dari kita atau pun dari orang yang menganjurkan ?

ZBK : Orang yang anu lah budak – budak kita bawa. Tapi nanti kita balik bagi lah budak-budak tu, jajan lah kalau tak nanti tanak datang lagi (ketawa).

NAA : Kebiasaanya bagi budak tu berapa ?

ZBK : Tengok kita pendapatannya berapa, kalau budaknya berapa kita bagikan kita masukkan tabung sikit ke, beli baju baru ke apa. Kita bagitahu lah. Ni dapat segini (mengangguk).

NAA : Tabung tu memang dah ada lah ? Memang akan bahagikan lah ?

ZBK : Ada – ada. Tabung zapin kok nanti kalau dah banyak nak tukar baju baru tak? kita beli baju lah.

NAA : Selain baju apa lagi yang digunakan dalam tabung tu ?

ZBK : Aksesori tu lah. Nak - - nak - - nak beli tudung baru ke, nak beli sanggul ke, nak beli rantai ke, gitu.

NAA : Selalunya majlis ni zapin ni bermusim tak ? Contoh macam orang kahwin ke? Waktu bila yang ada banyak tempahan ?

MBS : Kahwin (bercakap perlahan)

ZBK : Waktu orang kerja kahwin lah. Kadang kita tak cukup tangan (ketawa).

NAA : Waktu kerja kahwin lah yang paling ramai lah ?

ZBS : Haah (mengangguk). Kalau majlis nyambut – nyambut ni kalau ada buat apa ada keramaian apa – apa tu kalau dipanggil kita - - (mengangguk). Tapi daerah Benut kita selalu dipanggil lah. Sebab yang dekat kan (mengangguk).

NAA : Permintaan tu yang daripada yang dulu dengan yang sekarang sama tak ? Maksudnya masyarakat sekarang masih - - masih nak tak dengan zapin ?

ZBK : Lain lah dah sekarang dah beza dah kita dah moden kan sikit lah. Macam pakaian dan seragam. Pakaian dulu – dulu kan seadanya apa yang ada (ketawa).

NAA : Permintaan tu macam mana ? Ramai ke tak kalau yang sekarang ?

ZBK : Ramai jugak (mengangguk).

MBS : Sekarang - - sekarang tak ramai lah. Sekarang PKP. Duduk rumah (ketawa). Dulu Alhamdulillah lah. Ada lah sikit.

ZBK : Daripada tahun dua ribu – sepuluh [2010] sampai ke dua ribu lapan belas [2018] lah. Ada je. Ini sekarang PKP ni terus senyap.

NAA : Sebelum dua ribu sepuluh [2010] tu macam mana dia punya sambutan dia ?

ZBK : Ramai (mengangguk). Minat lah.

NAA : Ramai jugak lah. Sebelum tu sebelum dua ribu sepuluh [2010].

ZBK : Oh sebelum tuh ?

NAA : Haah (mengangguk)

ZBK : Ada lah. Dulu ada jugak lah tapi oleh kerana ni ada berhenti lah sekejap masatu. Bila anak – anak kita dah besar kita tubuhkan balik lah.

NAA : Berhenti tu sebab - - sebab tak ada orang atau macam mana ?

ZBK : Tak ada orang lah maksudnya. Masing – masing belajar budak –budaknya. Keluar kampung lah belajo (ketawa kecil).

NAA : So [jadi] amik masa lah untuk kita apa untuk Puan didik anak Puan pastu baru adakan balik lah ?

ZBK : Haah (mengangguk).

NAA : Pernah tak dapat special request daripada masyarakat ?

ZBK : Pernah (mengangguk).

NAA : Pernah ? Macam mana ? Apa yang special nya tu yang dimintak ?

ZBK : Special nya ya dapat apa ya maksudnya ? (ketawa). Kalau kita buat yang terbaik gitu dikata best lah (menunjukkan ibu jari). Daripada ni yang lain – lain apa baik - - lebih baik zapin dikata. Zapin ni macam sopan dikata.

NAA : Pernah tak dapat macam mintak yang bukan- bukan daripada masyarakat untuk buat zapin tempat diorang ?

ZBK : Macam takda.

NAA : Takdalah. So [jadi], dia terpulang je lah pada Puan nak buat macam mana ?

ZBK : Haah (mengangguk).

ASN : Mungkin ada yang mintak “Nak kopak lebih. Syok no tengok orang turun naik turun naik.” Ada tak ?

ZBK : (ketawa)

MBS : Dia tengok pada lagu. Kalau lagu tu banyak kopak, kopak lah. Kejam lagu ni

dia –

ZBK : Kalau rancak – rancak lah.

MBS : Setiap lagu ni orang kata pergerakan dengan kopak tu sentiasa ada (sambil memusingkan tangan). Selalunya kalau lag utu ada lima [5] pantun (menunjukkan simbol nombor lima) so [jadi], setiap kopak tu ada lah. Setiap lima [5] kopak tu ada dalam pantun lagu yang diberi yang buat lah selalu.

NAA : Pernah tak dah buat persembahan pastu ada orang suruh buat lagi buat lagi ? Pernah tak ?

MBS : Ada jugak. Tapi kitaorang biasalah ikut tuan rumah. Katakan kalau tuan rumah nak dua [2] persembahan je lah. Kalau disuruh buat lagi “Weh, ada lagi ada lagi” (sambil memandang ke atas). Gitu.

NAA : Pernah lah - - pernahlah buat persembahan tambahan ?

ZBK : Haah (mengangguk).

NAA : Kalau persembahan okay - - kalau contohkan kalau dah buat dalam majlis kahwin tuh dia minta dua [2] persembahan. Mestilah dah *prepare* [menyediakan] dua [2] persembahan latihan untuk dua [2] persembahan sahaja lah kan ?

ZBK : Betul (mengangguk).

MBS : Betul (mengangguk).

NAA : Pernah tak kalau dia minta tambah satu lagi, macam mana ?

MBS : Sekali kita akan bagi Zapin Rewang lah. Tak kisah lah ____ .So [jadi], kita menari je lah mengikut lagu.

ZBK : Siapa – siapa yang ada minat, tarik - - tarik (menarik tangan)

NAA : So [jadi], gerakan semua dah jadi bebas lah.

ZBK : Haah. Kalau dia memang dah ada asas kalau kita ajak, masuk jugak (ketawa).Ramai kadang.

NAA : Ina boleh teruskan.

ASN : Kita beralih kepada tema cabaran. Apa cabaran yang dihadapi oleh Puan dari segi mencari penari atau pelapis ? Ada tak cabaran dia ?

ZBK : Cabaran dia tak ada lah. Selalu cabaran dia orang kata masalah tu lah biasalah masalah kepada penari – penari, kadang ada sakit ada demam. Kalau tempah persembahan selalunya apa orang kata pemuzik lah. Kadang pemuzik tak on muzik, kita pon dah stand by. Mana muzik nya kita nak menari macam

mana kan ? Muzik tak ada. *So* [jadi], itu je lah. *So* [jadi], cabaran dia kadang itu je lah. Lain orang kata macam – macam berlaku kemalangan tu biasa lah.

ASN : Ada tak cabaran dalam nak perkenalkan zapin dekat masyarakat ni. Cabaran mungkin ada orang yang kata anggap semua ni negatif, bising lah menari – menari ni. Ada tak orang yang macam tu ?

MBS : Kadang –

ZBK : Tak ada (menggelengkan kepala)

MBS : Kadang ada juga tapi segelintir daripada masyarakat lah. Kadang orang tak boleh terima yang ini, itu. Tapi bagi pada kita benda ni menutup aurat selagi masih boleh dilaksanakan selalunya rasanya tak ada apa – apa. Benda ni bukan orang kata - - kata menonjolkan benda – benda menari yang tak bersopan. Kita semua melaksanakan apa orang kata menari yang sopan lah. Kita bukan menari tiang ke apa ke kan (tersenyum). Kita menari zapin. Perkataan Zapin tu pon daripada Arab juga orang kata kan (sambil menggaru telinga). Istilah daripada Arab. *So* [jadi], benda ni orang kata okay lah. Mana segelintir masyarakat pon ada yang tak boleh terima lah. Tapi –

ZBK : Ada yang tak minat, biarkan je lah.

MBS : Anggap benda ni relevan je lah orang kata duk penari menari bersopan. Orang kata gitu. Bukan terkinja-kinja macam beruk ke apa taka da (sambil menggeleng kepala dan ketawa).

NAA : Dari segi macam mana ? Cara –

MBS : *So* [jadi], benda ni maksudkan pergerakan lah. Kita macam senaman kan. Setiap pergerakan tu mesti ada orang kata - - orang kata cara – cara dia lah.

NAA : Macam mana nak atasi orang tu ? Adakah kita diam je, kita biarkan orang bising – bising kea pa kan biar je. Sampai tutup mulut sendiri.

MBS : Apa - - apa tak dengar ?

NAA : Cara nak atasi orang tu ? Apa yang Encik buat tu ?

MBS : *So* [jadi], kalau cara yang macam tu kita orang kata berdiam diri je lah. Tak payah kita nak menengking ke nak marah ke apa ke. Benda yang baik, kita

buat baik. Benda yang jahat, kita biarkan je lah. Mulut orang kita tak boleh tutup kan.

NAA : Biasa aa orang yang cakap ?

ZBK : Ya ?

MBS : Orang cakap - -

NAA : Orang yang cakap tu, biasanya orang cakap apa ?

MBS : Diorang cakap “Eh, apa benda lah menari macam ni tak bersopan betul lah.” Orang cakap. Habis makin menari biasa tak bersopan (ketawa). Orang cakap ancaman orang macam – macam. Ye lah tak ada lah setakat ni. Cuma orang kata –

ZBK : Kalau di kampung kita, belum ada lah.

MBS : Orang pon seronok lah. Benda ni dah zapin lama kan.

ZBK : Macam tak semua berminat lah. Kalau orang kata ni belum ada lah yang cakap zapin apa – apa, tak (menggeleng kepala). Memang lah syukur ada tanggung tubuhkan zapin kan.

ASN : Mungkin untuk cabaran kepada generasi muda yang Puan sendiri nampak ? Mungkin sekarang ni zaman sekarang ni banyak nau lah orang suka sangat dengan KPOP lah Hiphop lah. Ada tak cabaran-cabaran untuk atasi benda tu ?

MBS : Kalau nak atasi benda tu, orang kata zaman sekarang dah zaman moden zaman IT. Sebab benda ni kitaorang tak boleh nak halang. Kalau nak halang pon terpulang kepada kita lah. Kalau kita halang pon (sambil memandang ke atas) nak cakap benda ni orang kata tak baik tapi kalau digunakan cara yang baik sebabnya dia dalam tarian kan. Macam – macam gaya ada. Kitaorang tak boleh halang lah. Benda ni terpulang kepada individu kitaorang lah. Nak halang tu tak tahu lah nak cakap macam mana. Selalu orang penguatkuasa je halang (ketawa). Kau ni buat kerja gila dengan cara macam ni. Nak halang tu tak ada lah.

ASN : Mungkin ada secara individunya rasa macam tergugat ke dengan kemunculan – kemunculan budaya – budaya asing ni. Ada ke mengganggu gugat untuk meneruskan zapin ni?

MBS : Macam mana ? Macam mana ? Boleh ulang balik.

ZBK : Kurang kuat.

MBS : Line nya dah *slow* [perlahan] dah ni.

ASN : Mungkin cabaran-cabaran yang daripada budaya asing ni ada tak serba sedikit membuat Encik rasa tergugat ke dalam usaha lagi memperjuangkan tarian zapin ni ?

MBS : Rasanya tak ada lah. Sebab seorang penari lain lain kan cara – cara dia. Saya rasa taka da lah rasa tergugat ke apa. Sebab kita ada tradisional kita sendiri. Kita punya Malaysia memang ada tarian tradisional. Orang kata zapin, joget, asli, inang semua ada kan (mengangguk). *So* [jadi], kita kekal kan je lah. Rasa tak ada lah.

ASN : Ada tak beza dari segi individu tu perbezaan minat tu yang Encik boleh nampak kepada generasi muda zaman sekarang ? Sebab kalau kita nak tengok jarang budak muda suka dengar Irama Melayu, suka nak tengok persembahan Zapin. Mungkin sorang – sorang tengok Youtube ke jarang lah ada yang google tengok tarian zapin. Sekarang tengok KPOP je. Apa pandangan Encik ?

MBS : Memang ada perbezaannya lah.

ZBK : Ada lah.

MBS : Tapi terpulang kepada kita lah minat kita kepada tradisional, tradisional, kepada KPOP, KPOP (sambil meletakkan tangan di dada). Tapi tu lah ye nak buat macam mana zaman sekarang kan zaman IT. Apa lah, apa lah. Saya sendiri pon tak tahu lah. Orang kata kalau tarian zapin ni lebih kepada kebudayaan lah orang kata kan. Kira orang kata pergerakan dia pon tak melibatkan orang kata terlampau orang kata terlebih ke apa tak ada lah. Dia cuma bahagian di situ dan gaya nya lah. Terpulang kepada kita. *Choreographer* [koreografi] kita yang buat kan. Tak kisah lah mana – mana yang ambik.

ASN : Mungkin boleh kongsikan apa kenangan pahit manis, jatuh bangun dalam memperjuangkan tarian ini ?

MBS : Jatuh bangun, susah susah lah nak tubuhkan benda ni (sambil bercakap dengan ibunya).

ZBK : Tak tahu lah ni dah lama ni nanti macam *slow* [perlahan] lah (ketawa kecil).

NAA : Masa dulu yang Puan cerita kan masa apa tarian zapin tu ter - - tergendala tu masa dua ribu sepuluh [2010] tu. Macam mana situasi time tu nak ajar anak time tu nak suruh diorang zapin ? Macam mana time tu usaha Puan ?

ZBK : Kitaorang pujuk lah kata arwah ada pesan “Jangan sampai matilah generasi zapin ni. Kalau boleh turunkan lah.” Tu kita kan kita - - kita bagi tahu lah kat anak – anak ajar lah diorang. Ni cucu – cucu ni jauh tak berkenaan tu. Tak pernah ajar (ketawa).

ASN : Mungkin kenangan pahit boleh kongsikan.

ZBK : Kalau kat sekolah pagi petang macam mana (ketawa).

ASN : Kenangan pahit yang boleh dikongsikan. Mungkin masa berlatih tu terseliuh ke terjatuh ke ?

MBS : Kenangan pahit kitaorang biasalah kepada kepada yang nak kalau menari besok nak pertandingan, *so* [jadi], ada yang demam tu lah saya tak larat apa semua kan (memusingkan kepala). Besok nak pertandingan ni tu lah sampingan orang kata pengalaman paling pahit tapi kita akan ambik pada penari boleh *take over* [ambil alih] lah.

ZBK : Ada spare lah.

MBS : Macam – macam ada lelaki selalu (memandang ke atas). Masatu ada pertandingan dekat Pontian (memejamkan mata), kitaorang mengalami kecederaan apa –

ZBK : *Excident* [kemalangan] pon ada.

MBS : *Excident* [kemalangan]. *So* [jadi], itu je lah kot rasanya kenangan pahit bagi kitaorang. Tapi kitaorang ambik penari yang *last minute* [saat akhir] yang

boleh untuk *take over* [ambil alih]. Malam tu terus kita *move on* [teruskan], kita terus buat lah pertandingan.

NAA : Masatu berapa orang penari yang terlibat dengan *excident* [kemalangan]?

MBS : Lapan [8].

ZBK : Lapan [8]. Empat [4] lelaki, empat [4] perempuan.

ASN : Langgar kereta ?

MBS : Tapi bukan semua lah. Kalau semua terlibat dalam kemalangan nayo je kan memang tarik diri daripada pertandingan tu (tersenyum lebar).

NAA : *So* [jadi], sorang je lah yang terlibat dengan ni dengan kemalangan time tu.

MBS : Dia tak join kita ni (bercakap dengan ibunya). Apa dia ?

NAA : *So* [jadi], sorang je lah time tu yang terlibat kemalangan ?

MBS : Haah terlibat dengan kemalangan. Tak apa lah tak de rezeki kita kitaorang, tapi kitaorang datang buat persembahan je lah. Sebab yang bertandingan tu dalam ada sepuluh [10] - - sepuluh [10] pasukan lah dalam pertandingan tu (sambil memandang ke atas). *So* [jadi], takde rezeki tak apa dapat nombor empat [4] pon okay jugak. Alhamdulillah (sambil tersenyum). Dapat nombor je lah (tersenyum lebar).

ASN : Kenangan yang paling manis –

MBS : Sepuluh [10] pasukan terbaik kan.

ASN : Rasa macam tak dapat dilupakan sangat kenangan tu ?

MBS : Kenangan apa ?

ASN : Yang paling manis yang tak dapat dilupakan.

MBS : Yang paling manis –

ZBK : Dapat Johan lah.

MBS : Johan lah. Johan dalam pertandingan zapin lah. Dekat Dewan Jubli Intan Pontian lah. Kategori Terbuka tak silap saya (sambil memngangguk).

NAA : Tahun bila tu ?

MBS : Itu (memandang ketepi)

ZBK : Dua ribu lima belas [2015].

MBS : Dua ribu lima belas [2015] lah.

ASN : Dah Aimi ?

NAA : Pernah tak Puan atau Encik apa masa menari tu terseliuh ke terjatuh ke yang menyebabkan tak boleh nak bergerak lagi ?

MBS : Itu biasa lah. Kitaorang pon kalau lepas menari terlebih sangat kita pon ada rasa penat. Pernah sekali lah kalau kita buat pergerakan tak sempurna kadang boleh terseliuh, boleh terpelekok. Itu normal lah. Ada taka da kita hadap je lah (ketawa kecil).

NAA : Ada tak tips ke untuk mengelakkan daripada berlakunya kecederaan time latihan ?

MBS : Satu kita sebelum menari kita buat lah renggangan anggota badan kita. Biasalah kalau kita nak buat sesuatu benda yang macam sukan untuk melibatkan peluh ke apa kita akan buat renggangan badan lah. Itu normal lah untuk kita. Senaman ringkas lah orang panggil. Start daripada kepala, kaki, tangan, semua kena ada lah. Macam kita nak bersukan kan. Tahu – tahu kita redah jugak alau tiba – tiba jem, jangan Tanya kenapa dia cakap. Sebab melibatkan anggota badan kan. Selalu ada jugak macam gitu. Jadi orang kata sebelum mula kan nak kena buat dulu senaman ringkas. Sebelum masuk start nak belajar menari. *So [jadi], tu je lah.*

NAA : Kita teruskan dengan sumbangan. Apakah sumbangan Puan sebagai seorang usa- seorang yang usaha mempejuangkan tarian ni ?

MBS : Sumbangan mak kenapa ni lah (sambil memandang ibunya)

NAA : Untuk perjuangkan zapin ni, apakah sumbangan Puan yang dah Puan buat ?

ZBK : Kalau boleh kita boleh terus-menerus turun-menurun lah. Jangan sampai mati lah tarian zapin ni.

ASN : Boleh ulang balik? Tak dengar.

MBS : Apa dia ? (sambil mendekati diri dengan kamera)

ASN : Boleh ulang balik ? Tak dengar.

MBS : Mak cakap (sambil membetulkan telefon)

NAA : Sumbangan -- sumbangan Puan tadi ?

MBS : Sumbangan mak untuk kepada semua lah untuk zapin ni (sambil memandang ibunya). Mak cakap je, terus kepada semua.

ZBK : Kita kalau boleh siapa – siapa yang teringin nak mempelajari tarian zapin ni dipersilakan lah kita tak akan menolaknya lah. Kalau ingat nak berzapin nak belajar kita terima je lah. Kalau berminat nak ber zapin dipersilakan. Kalau kita sihat, anak – anak ada InsyaAllah, kita terima (sambil mengangguk)

ASN : Selain daripada buat kelas – kelas latihan di sekolah kat mana lagi Puan buat ?

MBS : Apa dia ? (sambil mendekati diri dengan kamera)

ASN : Kelas latihan di sekolah, selain daripada tu ada lagi tak ?

MBS : Kalau dulu

ZBK : Kelas tari – (sambil memandang anaknya)

MBS : Kelas tarian ? Kitaorang kat rumah je lah *last* [akhir] buat latihan.

NAA : Selain –

MBS : Selain – apa ?

NAA : Selain daripada budak-budak sekolah mana lagi ?

MBS : Budak-budak sekolah, selalu kampung kalau dulu balai raya lah. Kitaorang ada buat aktiviti untuk latihan petang kan, setiap hari minggu lah macam tu. Tapi sekarang ye lah dah tak boleh nak buat macam mana kan. *So* [jadi], kita kena patuhi jugak (ketawa kecil).

NAA : Masa buat di balai raya tu memang khas untuk budak sekolah ataupun memang terbuka ?

MBS : Terpulang, kita memang open siapa yang nak belajar kitaorang alu-alukan.
Tak semestinya untuk budak-budak, dewasa pon orang tua pon boleh –

NAA : Memang setiap –

MBS : Tak kira.

NAA : Memang setiap hujung minggu atau pun ada sebulan berapa kali ?

MBS : Sebulan tengok lah, sebulan sekali cam gitu lah kita nak orang kata, tengok kepada kita punya aktiviti nak buat lah selalunya. Jadual kita lah. So [jadi], kita cakap kalau ada, ada lah tu latihan. Kalau kita cakap tak ada, taka da lah.

ZBK : Dulu kan musim kerja kahwin kan. Jadi kalau macam kerja kahwin kita tak dapat buat latihan lah. Mana yang lapang tu kita buat latihan lah gitu (mengangguk).

ASN : Ada terlibat dengan mana – mana persatuan kebudayaan ke ?

MBS : Apa dia ? (sambil mendekati diri dengan kamera)

ASN : Ada terlibat dengan mana – mana persatuan kebudayaan ke ?

MBS : Ada - - ada. Kitaorang dengan Yayasan Warisan Johor dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian. Dua tu je lah. Dengan MKD untuk daerah Pontian. Kebudayaan Daerah Pontian.

ASN : Ada - - Boleh kongsi tak kelebihan bila –

MBS : Apa dia ? (sambil mendekati diri dengan kamera)

ASN : Boleh kongsi tak ? Apa kelebihan ke bila turut serta dengan persatuan-persatuan ni.

MBS : Ye lah kita dapat mempertengahan kita punya tarian ni lah. So [jadi], gembira yang bila ada orang yang ingin terima kita untuk jemput pergi ke persatuan dia. Selalunya Jabatan Kebudayaan Kesenian lah yang selalu yang banyak memanggil kita lah. Kalau Yayasan Warisan Johor selalunya pon sama juga (mengangguk).

ZBK : Setahun sekali mesti ada.

MBS : Ada pertandingan tu dia akan buat program untuk tarian ni tarian ni untuk datang. Selalunya dia akan buat lah. Tapi tu dah tahun lepas lepas lah (sambil memandang ke atas). Tahun ni macam tak ada.

ZBK : Dah tiga [3] empat [4] tahun lah.

MBS : Diorang nak buat pertandingan kena buat pertandingan online pon ada jugak. Contoh macam hantar video kita kan disuruh pertandingan tu lah. Pastu dia akan, dia tengok video tu dan orang kata kalau kita boleh terima yng ni cantik, kemas, diterima lah.

NAA : Adakah kelas latihan tu dikenakan bayaran ?

ZBK : Kalau sekolah, sekolah lah yang bayar.

NAA : Bayaran tu dikenakan daripada pihak Puan atau daripada ni daripada orang -- orang yang menganjurkan ?

ZBK : Orang yang –

MBS : Selalunya kalau ada –

ZBK : Selalunya budak yang menari tu lah ada guna duit tabung dia lah.

MBS : Selalunya kalau kita lah kalau kita bagi yang untuk apa ni untuk jam selalunya jurulatih akan ambik dua puluh lima [25] ringgit. Untuk satu [1] jam.

ZBK : Untuk satu [1] jam (mengangguk).

MBS : Kalau kita lah yang cas. Kalau terpulang kepada individu yang memanggil, menjemput untuk kita dalam satu [1] hari tu untuk program –

ZBK : Persembahan.

MBS : Mengajar atau pun apa semua hanya satu [1] hari tu. Kitaorang pon terpulang lah kepada yang nak memberi lah. Kitaorang tak -- tak yah -- tak -- tak cas berapa lah.

NAA : Kalau yang dengan Yayasan dengan Jabatan Kesenian tu terpulang kepada diorang atau pun Puan yang kenakan ?

ZBK : Dia tahu sendiri. Dia bagi sendiri (mengangguk).

MBS : Terpulung - - terpulung kepada jabatan lah. Jabatan dengan yang nak beri lah. Kitaorang terima seadanya.

NAA : Memang - - memang tak ada kenakan ditetapkan lah bayarannya.

ZBK : Haah (mengangguk). Diorang boleh tahu sendiri.

MBS : Sebab –

ZBK : Berapa dia bagi kita terima aje lah.

MBS : Kalau saya yang kena cas tu sebab jurulatih kan. Mengikut jam yang diberikan untuk mengajar. *So* [jadi], saya *follow* [mengikuti] yang tu sebab saya dah ada orang kata lesen untuk tu untuk mengajar tu. *So* [jadi], saya akan bagi lesen tu dengan itu je lah. *So* [jadi], bukan nak saya tentukan ke apa sebab benda ni melibatkan -

ZBK : Dia sendiri yang bagi harga

MBS : Melibatkan orang kata benda yang dah ada kita gunakan. Kalau nak hadam kalau boleh nak seratus [100], dua ratus [200], tiga ratus [300]. Up to you orang kata kan (ketawa).

NAA : Selain daripada buat kelas di balairaya, di sekolah-sekolah, di Yayasan semua ada tak cara lain nak ketengahkan lagi zapin ni ? Usaha lagi, ada tak ?

ZBK : Macam ni belum tahu lagi sebab PKP ni kita tak boleh nak merancang lah. Kalau haritu memang kalau boleh kita nak hidupkan balik lah zapin ni. Jangan sampai senyap aje kan.

MBS : Dengan keadaan macam gini kitaorang kalau boleh memang nak ketengahkan lah. Benda nih memang sentiasa dah ada kat mana – mana. *So* [jadi], kitaorang orang kata nak ketengahkan tu memang sentiasa ada. Tapi terpulung bagi kitaorang ni lah. Kitaorang akan terus kalau orang nak menerima kita, kita akan pergi. *So* [jadi], benda ni takkan pernah orang kata habis lah sebab dalam sejarah pon zapin ni pon ada kat Negeri Johor. Apa semua kalau nak tengok kat web pon semua dah ada dah taip - - taip je Zapin Parit Mastar semua dah keluar.

ZBK : Zapin ni dah ada kat peta Malaysia. Kalau tengok mesti ada. Tengok kat youtube.

NAA : Ada tak Puan terlibat dengan mana – mana persatuan kebudayaan ?

MBS : Ada Akar Kita Zapin.

ZBK : Ada jugak Akar Kita Zapin pon ada panggil-

MBS : Macam Noraniza Idris pon ada jugak, macam dia punya program Akar Kita Zapin, dia pon ada buat jugak. Pe-Zapin pon ada jugak. Pe-Zapin tu dalam kalau kat sini Kulai lah-

ZBK : Daerah Kulai (mengangguk)

MBS : Kulai. Persatuan Pe-Zapin kan.

ZBK : Ada jugak kita ikut persatuan dia. Cuma kita ni jadi tak sempat nak datang lah sebab jauh, kerja lagi kan. Tak semestinya tunggu kan itu aje terus (ketawa). Kita ada kerja kan. Sebab ni kita masih kerja lagi.

NAA : Ada tak kesan positif dengan negatif join beberapa persatuan ? Apa kesan dia ?

MBS : Serentak ek.

ZBK : Buat masa ni dulu, dulu kita memang aktif dengan Pe-Zapin tu, tapi kita undur diri tak kesempatan. Ni kalau teruskan –

NAA : Masa - - masa bila masuk persatuan Pe-Zapin ni ? Mula masuk bila ?

ZBK : Masatu dua ribu lima belas [2015] kot (memandang keatas).

NAA : Masa masuk tu dapat lah apa - - apa yang Puan dapat daripada masuk daripada persatuan tu ?

ZBK : Ada dapat sijil, ada tu kalau anu tiap-tiap bulan tu ada diorang panggil budak latihan nanti dia nak tengok apa pengasasnya, kita datanglah.

MBS : Terpulang kepada persatuan lah. Kitaorang terima je. Nak kata baik buruknya tu biasalah sentiasa ada orang kata kan. Kita terima seadanya (ketawa kecil).

NAA : Kelebihan Puan sertai persatuan Pe-Zapin ni apa ? Kelebihan Puan ?

ZBK : Ye ?

NAA : Kelebihan menyertai persatuan ni ?

ZBK : Kalau boleh menubuhkan lagi lah. Diorang memang teruskan lah zapin apa semua ada lah kecuali nanti dia panggil pengasas Zapin apa Pekajang, Parit Mastar, Puteri Bunian. Kita ni kat Pontian ada dua, satu Puteri Bunian, Daerah Pontian. Memang dia ada semuanya tu ada kalau diikutkan memang berbelas-belas jugak lah ni anu zapin ni pe - - pengasasnya ada, penerusnya pon ada. Zapin ____, Zapin Mahpom macam macam lah. Kita memang dah jumpa pengasas-pengasas ni (menggerakkan tangan). Sebabnya Yayasan Warisan dia panggil nak tahu pengasas zapin ni zapin ni ada tuannya semua. Mana yang dah meninggal, ramai yang dah meninggal (mengangguk).

NAA : So [jadi], daripada persatuan ni Puan dapat lah kenal beberapa pengasas daripada zapin lain lah ?

ZBK : Kenal (tersenyum lebar). Semua kenal zapin Lenga. Selalu kita berhubung lah Zapin Lenga, Zapin Tanjung Labuh Mak Salmah. Selalu kita memang akan jumpa lah. Macam ni (menunjuk arah tepi) Zapinnya ni Wak siapa namanya (bertanya kepada orang lain sambil ketawa). Ceperapi dah meninggal dah banyak dah meninggal dah.

NAA : Adakah Puan turut serta belajar zapin lain ?

ZBK : Ada jugak lah Teringin budak nak apa anu dia tapi dapat jugak tapi kita tidak ye lah usia dah anu ni kadang kaki tak tahan (ketawa).

NAA : Betul, betul.

ZBK : Anak – anak semua boleh zapin apa je semua boleh dia. Anak kita ni lah Masselih nih dia ni zapin apa je semua tahu. Sebab dia mengajar ni apa kat JKKN, jurulatih.

NAA : Persatuan Pe-zapin ni bantu Puan tak untuk lebih maju kedepan dengan zapin ni ?

ZBK : InsyaAllah juga. Dulu kalau kita ni misalan banyak *job* [kerja] kan tak sempat, kita bagi kat diorang lah. Nanti kalau dah terlalu banyak orang mintak kita panggil diorang suruh ganti lah. Ni pon persatuan kita jugak.

NAA : Dah Ina.

ASN : Kita balik kepada pencapaian, Pencapaian paling tinggi yang Puan pernah dapat ?

ZBK : Pencapaian ?

MBS : Pencapaian yang pernah dapat.

ASN : Yang paling tinggi.

MBS : Paling tinggi saya rasanya sampai kebangsaan lah.

ZBK : Peringkat kebangsaan lah.

ASN : Dekat mana tu ? Boleh ceritakan ?

ZBK : Tapi tak dapat lah. Kalau kat daerah tu dua [2], tiga [3] kali Johan jugak lah (mengangguk sambil tersenyum lebar). Tapi masa kita mengajar kat ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Johor] ni Alhamdulillah lah memang lumayan lah.

MBS : Dianugerahkan lah.

ZBK : Dianugerahkan kita kat sana. Kalau tengok kat Youtube ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Johor] ada lah. Kita - - tengok Youtube ada lah tu kita dia misalan pengasasnya keluar dengam muridnya. Dulu ada empat [4] orang dipanggil (menunjukkan simbol nombor empat), Zapin Lenga, Zapin apa lagi empat (sambilmenggaru kepala)

MBS : Mahkom.

ZBK : Zapin Mahkom, Zapin Parit Mastar, Zapin Selah Panjang. (sambil menunjukkan kira isyarat tangan). Empat [4] orang datang anu pengasas (sambil menunjukkan simbol nombore empat).

ASN : Boleh cerita kan tak pencapaian yang dapat ke peringkat kebangsaan tu ? Dekat mana ? Bila ?

ZBK : Kat kebangsaan tu (sambil memandang ke atas) dalam dua ribu [2000] berapa dik ? (sambil memandang anaknya)

MBS : Dah lama dah tuh (sambil memandang ke tepi).

ZBK : Dah lama jugak lah tu dalam dua ribu lima belas [2015] ke enam belas [16] itu lah. Dah lupa lah kita (ketawa). Tapi gambar-gambarnya ada (ketawa).

MBS : Lama, tu paling lama lah

ZBK : Dah lama dah.

MBS : Masa pertubuhan zapin ni kan orang baru nak naik itu je lah. Pastu diorang dah *famous* [terkenal] diorang terus panggil - - panggil - - panggil - - panggil je lah. Itu je lah. Tahun dua ribu lima [2005] ke dua ribu enam [2006] macam tu lah dah lama dah. Saya masa kecik lagi time tu.

ASN : Dekat mana masatu dapat ?

ZBK : Kalau aktifnya nil ah dalam dua ribu enam belas [2016], tujuh belas [17], lapan belas [18] yang aktiflah (sambil menggaru bahu). Sekarang semestinya panggil lah.

MBS : Masa mak dulu buat apa ? (memandang sekilas ibunya).

ZBK : Masa ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Johor] dulu yang pertama tahun dua ribu lima [2005] kot (sambil memandang keatas). Pertama lah.

MBS : Atas – atas rasa ada kot saya taruk atas tu.

ASN : Apa pencapaian yang menjadi sasaran untuk digapai ?

MBS : Berusahalah meningkatkan lagi kan keyakinan diri untuk kita lebih lagi *advance* [maju] orang kata nak memajukan sesuatu tu bukan mudah orang kata kan. *So* [jadi], banyakkkan latihan dan tingkatkan prestasi anda dan orang kata sentiasa berikan tumpuan sepenuhnya untuk terus maju ke hadapan lah.

ASN : Apa pencapaian yang paling tak dapat dilupakan yang macam tak duga pon akan dapat pencapaian tu tapi dapat jugak. Tu yang tak boleh nak lupa. Apa dia ?

MBS : Terima anugerah tu je lah orang kata pewaris apa terima ni pewaris zapin je lah. Itu je lah.

ASN : Itu anugerah daripada mana tu ?

MBS : Apa dia ? (sambil mendekati diri dengan kamera)

ASN : Anugerah daripada mana ?

MBS : Tu ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Johor] lah selalu.

ZBK : ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Johor], UM [Petaling Jaya, Selangor] pon ada

NAA : UM [Petaling Jaya, Selangor] bagi apa ?

ZBK : Bagi sijil. Bagi sijil –

MBS : Sijil Penghargaan lah. Sijil Penghargaan Pengasas.

ZBK : Dengan adalah saguhati lah. Pergi balik diorang ambik (ketawa). Kalau pergi sendiri memang tak lah (ketawa).

ASN : Apa pandangan Puan tentang tarian ini ? Pandangan peribadi Puan macam mana ? Mungkin ada yang buat ianya rasa special ke unik dia ke ?

MBS : Tarian zapin ni bagus lah (sambil memandangi ke bawah).

ZBK : Tarian zapin ni sebab masalahnya macam kalau bagi kita lah tak menonjol sangat tak anu sangat macam sopan kan. Lagi satu [1] apa ni kalau boleh kita teruskan lah jangan sampai mati lah (tersenyum lebar).

ASN : Pandangan Puan tentang penerimaan tahap penerimaan generasi muda pada hari ini macam mana ? Adakah sama seperti penerimaan dengan generasi dulu ? Atau berbeza ?

ZBK : Penerimaan maksudnya macam mana ?

ASN : Generasi –

ZBK : Kalau orang terima kita ?

MBS : Tak dengar.

ZBK : Tak dengar kak. Senyap dah (ketawa)

MBS : Dah senyap dah dia (ketawa).

ASN : Penerimaan generasi muda sekarang tentang tarian ini sama tak dengan penerimaan dengan generasi dulu ?

ZBK : Beza. Sekarang budak-budak banyak dipengaruhi dengan macam – macam kan. Kalau dulu kan memang berzapin aje ditubuhkan betul –betul kalau budak. Kalau budak sekarang ni kadang nak kadang tak nak. Nanti ada yangse tengah - - tengah apa nih (ketawa)

MBS : Raver - - raver (sambil memusingkan tangan di atas kepala dan tersenyum lebar)

ZBK : Mana yang tak minat dia tak payah lah belajo, gitu lah (tersenyum lebar)

MBS : Tiktok - - Tiktok. (tersenyum lebar)

ZBK : Memang dapat lah (tersenyum lebar)

MBS : Nayo (tersenyum lebar)

ASN : Apa pandangan peribadi Puan tentang usaha –usaha - - apa pandangan peribadi Puan tentang usaha – usaha kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab bagi mengekalkan kesinambungan zapin ini ?

MBS : Untuk kekalkan.

ZBK : Pandangan kita kalau boleh ye macam kebudayaan ni kan kalau boleh teruskan lah. Jangan lah ni kan zapin ni dah mewarisi Johor kan. Jangan lah sampai dimatikan. Kalau boleh teruskan lah (tersenyum). ?

NAA : Pandangan Puan macam mana pihak kerajaan untuk teruskan tarian ini ?

ZBK : Kalau boleh ye lah mesti pihak kerajaan ni kalau boleh teruskan lah jangan sampai - - setiap negeri ada apa kebudayaannya kan. Kalau boleh teruskan lah

MBS : Untuk majukan bagi - -

ZBK : Bagi untuk kita lah (ketawa kecil)

NAA : Ada tak cadangan Puan untuk pihak kerajaan teruskan ? Untuk pihak kerajaan yang pihak kerajaan yang lakukan. Ada tak cadangan untuk diorang ?

ZBK : Terpulang pada diorang lah. Kalau bagi kita, teruskan lah. Kalau kalau diorang apa semua di tangan pihak berkuasa kat tangan dia kan (ketawa).

NAA : Ada tak cadangan ? Cadangan untuk buat kelas ke atau mewajibkan ke ?

ZBK : Rasa macam ada lah kalau dia ambik kita misalan untuk buat jurulatih ke apa insyAllah kita sedia terima lah.

MBS : Cadangkan apa supaya pihak kerajaan ni majukan lagi lah badan –badan kebudayaan. Saya rasa dipinggirkan jugaklah. Kalau boleh diberi kepada kitaorang semua lah.

NAA : Betul – betul (mengangguk)

MBS : Kadang nak dapat bantuan dari kerajaan pon susah nak dapat

ZBK : Masa PKP ni pon baru-baru ni baru mohon lah kalau boleh ye lah dulu kita aktif sekarang dah –

MBS : Rangsangan ekonomi bagi negeri Johor lah. Kita ada mohon jugak bahagian pengasas. Diorang pon ada bagi bantuan bagi kitaorang daftar masuk.

ZBK : Kita ada mohon jugak lah daripada macam ni (mengangguk)

MBS : *So* [jadi], daripada apa yang diberi, kita terima aje lah. Kita tak boleh nak menghalang. Itu kan di atas, di tangan dia kan.

ASN : Mungkin dari segi mempromosikan tarian ni perlu dipertingkatkan ke ?

ZBK : Tak dengar tuan (tersenyum)

ASN : Mungkin dari segi promosi, mempromosikan tarian ni perlu dipertingkatkan lagi ke ?

ZBK : Kalau boleh perlu (sambil mengangguk).

MBS : Pertingkatkan lagi lah supaya kepada –

ZBK : Perteingkatkan lagi lah. Kalau boleh ni kita sebagai pengasas bukan kita sendiri kan pengasas-pengasas zapin – zapin yang ada ni, jangan lah kita dipinggirkan (sambil menggerakkan tangan). Selalu-selalu lah berhubung. Kalau dah dapat ilmu kita tu jangan lah lupa pada kita.

MBS : Dah dapat entah (ketawa kecil).

ZBK : Selalunya diorang ni kalau dah anu ni dia lupa kat kita kan (ketawa kecil). Selagi kita kalau boleh mengingati lah masing-masing. Bukan kita sendiri, setiap pengasas lah. Banyak ni sebetulnya (sambil mengangguk) zapin – zapin ni, bukan kita sorang. Lepastu ada yang penerus tu bila dia dah dapat tu dia lupa dengan pengasas (sambil menggerakkan tangan).

MBS : Hashtag, kalau dah dapat tu lupakan cikgu (sambil meletak tangan dimulut dan ketawa).

ASN : Apa harapan Puan terhadap generasi muda dan masyarakat agar tarian ini tak dapat dilupakan.

ZBK : Tu lah kalau boleh kita ye lah daripada yang bukan-bukan kalau masalah ni zapin ni macam kata orang ni sopan lah kan. Daripada yang bukan-bukan yang tak berfaedah kan. Kalau ada yang minat dipersilakan kalau kita tak akan menolaknya kalau nak belajar (mengelengkan kepada). Dipersilakan je (sambil menggerakkan tangan).

ASN : Mungkin ada kata-kata ke, pesanan ke pada Puan sebab video ni pon kita akan masukkan pada CD dan akan menjadi bahan rujukan. Mungkin bagi penyelidik yang akan tonton video ni nanti, apa pesanan Puan terhadap diorang ?

ZBK : Masak - - pandangan apa ye ?(sambil memandang anaknya).

MBS : Apa dia ?

NAA : Pesanan - - pesanan Puan.

ZBK : Masalah - - maksudnya macam mana ?

MBS : Pandangan pada masyarakat ke apa ? (sambil menggaru muka).

ASN : Pesanan terhadap masyarakat, generasi muda sebab diorang pon akan tonton video ni.

MBS : Mak ada tak pesanan ? (memandang telefon)

ZBK : Pesanan kita kalau boleh ni zapin ni jangan lah sampai mati. Kalau boleh diteruskan, mana – mana badan – badan yang macam U ke, sekolah ke, kalau nak belajar kita - - InsyaAllah kita akan menerimanya (mengangguk). Tu je lah.

ASN : Tadi Encik ada nak offer [menawarkan] kami secara live [secara langsung]. Boleh tunaikan ? (ketawa kecil)

MBS : *Live* [secara langsung] ea. Ha ye lah (tersenyum lebar).

ZBK : Boleh lah sikit – sikit (tersenyum lebar).

MBS : Kita buat ikut tiga [3] pergerakan nombor ataupun dengan lagu ? Nombor ek nombor boleh ?

ASN : Boleh - - boleh. Nombor boleh.

MBS : Saya tunjuk pergerakan je lah ek. Saya tunjuk tiga [3] pergerakan boleh ? (sambil menunjukkan isyarat tangan).

ASN : Boleh.

NAA : Boleh (ketawa).

ZBK : Tapi anak kita je ye ?

NAA : Boleh (ketawa).

ZBK : Walaupun dua – dua ? (ketawa).

NAA : Nak dua – dua pon apa salahnya ?

ASN : Kan lagi cantik kalau berpasangan.

MBS : Eh sekejap ek. *Setting* [tetapkan] kejam (sambil bangun).

ZBK : *Setting* [tetapkan] dulu. Sekejap.

MBS : (membetulkan kamera) Nampak tak ?

NAA : Nampak - - nampak

ASN : Mungkin boleh kedepankan lagi boleh ? (sambil menggerakkan tangan)

NAA : Okay ke bawah sikit.

MBS : (membetulkan kamera). Nampak pergerakan nampak kan ? (sambil berdiri)

ZBK : (ketawa)

ASN : Boleh - - boleh. Nampak (mengangguk).

MBS : Boleh kan. Ni nampak kan ?

ASN : Ha ye ye (tersenyum).

MBS : Okay langkah satu [1] (menunjukkan isyarat nombor satu). Pergerakan satu [1] okay. Asas satu [1]. Zapin Parit Mastar. Dipanggil Asas Kepala kiraan satu [1] hingga lapan [8]. Okay. Ni bahagian lelaki ye (menunjukkan cara langkah tarian zapin dengan kiraan). Okay nombor dua [2] pulak (menunjukkan cara langkah tarian zapin dengan kiraan). Okay yang nombor tiga [3]. Dia pusing dia *double* [dua kali ganda] (menunjukkan cara langkah tarian zapin dengan kiraan). Okay satu lagi lah semut-semut.

NAA : Boleh (sambil tersenyum)

MBS : (menunjukkan cara langkah tarian zapin dengan kiraan)

ZBK : Okay pergerakan berdua ye? (sambil bangunberdiri)

NAA : (bersorak dan menepuk tangan)

ZBK : Berdua ye ? (menunjukkan simbol nombor dua sambil tersenyum lebar).

NAA : Boleh - - boleh - - boleh (sambil ketawa kecil).

MBS : (menunjukkan cara langkah tarian zapin bersama ibunya dengan kiraan)

NAA : Terima kasih (sambil ketawa dan menepuk tangan)

ZBK : InsyaAllah kalau tak ada PKP nanti datanglah (ketawa kecil).

ASN : InsyaAllah (sambil tersenyum lebar).

ZBK : Tinggalkan nombor telefon, InsyaAllah.

NAA : Insyallah (mengangguk dan ketawa kecil).

ASN : Terima kasih sebab sudi luangkan masa melayan kami.

ZBK : (Melambai)

MBS : Tak jadi masalah. *So [jadi]*, saya harap yelah untuk program ni okaylah.

Banyak *student* [pelajar] buat program macam ginih, kitaorang terima je –

NAA : Terima kasih (mengangguk)

MBS : Sebab kerja kursus kan orang kan. Kitaorang terima (sambil tersenyum lebar).

Okay *so [jadi]* tu je lah. *So [jadi]* jumpa la-

ZBK : Kalau nak persembahan apa –

MBS : Terpulang lah (mengusik muka). Siapa lagi nak cakap ? Dah tak ada ?

ASN : Aimi ayat penutup.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni warisan iaitu seni tarian zapin bersama Puan Zubaidah binti Keliwon dan Encik Masselih bin Miswan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni warisan iaitu seni tarian zapin terhadap para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih. Assalammualaikum wbt.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

MINIT	TOPIK	HURAIAN
01:05 – 05:27	Latar belakang diri dan keluarga tokoh	Nama: Zubaidah Binti Keliwon Adik-beradik: 7 Orang Umur: 62 tahun Tarikh lahir: 9 Jun 1959 Tempat Lahir: Pontian, Johor. Bilangan anak: 6 orang Suami: Miswan Bin Hussin
05:28 – 10:43	Sejarah zapin	Zapin Parit Mastar diasaskan oleh Haji Keliwon Bin Menan. Beliau belajar sejak kecil berumur 5 tahun. Mula dipraktikkan semasa menunggu waktu solat Isyak dan sebagai mengisi masa terluang. Berlatih dirumah Haji Keliwon Bin Menan. Menjadi kegemaran masyarakat setempat.
10:44 – 27:46	Asas tarian zapin	Terdiri daripada asas sekat atau pusing, diikuti dengan enjut satu, enjut dua, enjut tiga dan semut-semut. Diikuti dengan babuna (anak ayam) dan wainab sebagai penutup.
27:47 – 35:29	Muzik	Lagu kegemaran ketika menari zapin ialah Ya Ladan, Dia Datang, Anak Ayam dan antara contoh lagu terkini

		yang sesuai dimainkan untuk tarian zapin ialah 7 Nasihat.
35:30 – 48:24	Pakaian dan perhiasan	<p>Lelaki memakai baju Melayu, bersamping dan bersongkok tinggi.</p> <p>Wanita berbaju kurung, bertudung atau bersanggul, dan berkain dagang.</p> <p>Penari wanita mengenakan bunga segar seperti bunga ros, bunga raya dan bunga siantan sebagai perhiasan sanggul.</p> <p>Perhiasan lain ialah gelang.</p> <p>Para penari berkaki ayam semasa mempersembahkan tarian.</p>
48:25 – 58:42	Penari	<p>Tiada kriteria yang tegas dalam pemilihan penari.</p> <p>Penari mestilah lembut pergerakannya dan tangkas.</p> <p>Penari juga perlu cepat belajar gaya tarian dalam waktu singkat.</p>
58:43 – 1:12:12	Latihan	<p>Latihan dijalankan dalam sebulan dua kali semasa di persatuan.</p> <p>Kebiasaannya penari datang kerumah untuk berlatih.</p> <p>Bergantung dengan kapasiti penari, jika terlalu besar latihan dijalankan di balairaya.</p> <p>Sentiasa dikunjungi tetamu yang ingin belajar tarian zapin setiap tahun.</p>

		<p>Mengadakan latihan terbuka di balairaya pada hujung minggu jika berkelapangan.</p> <p>Sentiasa mendapat tawaran mengajar zapin di sekolah-sekolah dan beberapa institusi.</p> <p>Latihan yang diperlukan untuk seorang penari kebiasaanya satu hingga dua jam.</p>
1:12:13 – 1:20:02	Persembahan	<p>Tarian zapin sesuai dipersembahkan untuk segala jenis majlis</p> <p>Setiap persembahan biasanya akan ada bayaran dan bergantung kepada pihak penganjur.</p> <p>Sehingga sekarang masyarakat masih meminati tarian Zapin dan sambutannya amat menggalakkan.</p>
1:20:03 – 1:31:12	Cabaran	<p>Faktor kesihatan penari dan pemuzik merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh tokoh.</p> <p>Ada sesetengah masyarakat yang memandang negatif terhadap tarian Zapin.</p> <p>Membiarkan masyarakat yang berkata negatif dan teruskan memperkenalkan tarian Zapin</p> <p>Antara kenagan pahit tokoh ialah seorang penari kemalangan sebelu hari pertandingan.</p>

1:31:13 – 1:31:12	Sumbangan	<p>Sentiasa membuka peluang orang ramai untuk belajar tarian zapin.</p> <p>Bergiat aktif dalam menawarkan diri mengajar tarian zapin di sekolah dan beberapa institusi termasuk orang awam.</p> <p>Melibatkan diri dalam beberapa persatuan untuk mengembangkan lagi tarian Zapin.</p>
	Pencapaian dan pandangan.	<p>Pernah memasuki pertandingan sehingga peringkat kebangsaan.</p> <p>Mendapat beberapa anugerah daripada Institusi dan Badan Bukan Kerajaan.</p> <p>Memberi pandangan masyarakat generasi muda lebih tertarik dengan tarian moden</p> <p>Mengharapkan beberapa bantuan daripada kerajaan untuk memperkenalkan lagi tarian Zapin</p>
1:51:44 – 1:55:00	Harapan	<p>Mengharapkan agar tarian Zapin tidak mati ditelan arus zaman.</p>
1:55:00 – 1:59:50	Menunjukkan gerakan langkah tari zapin Parit Mastar	<p>Encik Masselih menunjukkan gerakan langkah tarian zapin Parit Mastar diikuti dengan Puan Zubaidah Binti Haji Keliwon.</p>

RALAT

7.0 RALAT

Sesi temubual ini telah kami lakukan bersama tokoh kami iaitu Puan Zubaidah Binti Keliwon dan Encik Masselih Bin Miswan. Terdapat beberapa gangguan dan halangan telah kami lalui yang tidak dapat dielakkan. Namun hal demikian, sesi temu ramah ini tetap berjalan dengan baik dan lancar. Antara faktor gangguan yang tidak dapat kami elakkan sewaktu kami menemu bual menerusi aplikasi Google Meet adalah:

- Gangguan bunyi
- Gangguan suara orang ketiga
- Gangguan talian

Walaupun sesi temu ramah ini terdapat beberapa gangguan dan kekangan, namun temu bual ini dapat berjalan dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Zubaidah Binti Keliwon dan Encik Masselih Bin Miswan di atas kesudian beliau untuk meluangkan masa untuk kami.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

NO	PERKARA	HURAIAN
1	PKP	Perintah Kawalan Pergerakan ag ditetapkan oleh kerajaan berikutan dengan Pandemik Virus Covid-19
2	PE-ZAPIN	Sebuah persatuan yang bernama Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor
3	JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
4	ASWARA	Institusi pengajian tinggi dalam bidang persembahan yang didokongi sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia yang menyediakan ruang pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan dlam bidang seni budaya dan warisan.
5	Lagu Yaladan	Salah satu lagu tradisional yang dinyanyikan oleh Datuk Sharifah Aini dan Fadzil Ahmad.
6	Lagu Anak Ayam	Merupakan lagu yang sesuai sebagai iringan tarian zapin dan nyanyian syair berbahasa Melayu bertemakan nsaihat dan jenaka.
7	Lagu Dia Datang	Merupakan lagu yang dinyanyikan oleh Datuk Seri Nurhaliza yang sesuai untuk digandingkan untuk irama tarian.
8	Ghazal	Merupakan satu kesenian tradisional masyarakat Melayu Negeri Johor yang sering dimainkan di majlis-majlis perkahwinan dan acara keramaian.
9	Gambus	Merupakan salah satu alat muzik tradisional dan merupakan salah satu alat iringan tarian zapin.
10	Marwas	Sebuah alat muzik tradisional yang berbentuk seperti gendang berfungsi sebagai pengatur

		rentak atau tempo dalam muzing iringan tarian Zapin
11	Kopak	Merupakan satu pergerakan sebagai satu tanda berakhir satu rangkap pantun dengan paluan maruas.
12	Koreografi	Seseorang yang bertanggungjawab untuk merancang segala bentuk pola dan pergerakan dalam sesebuah tarian.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

aksesori, 52
asas, 27, 28, 32, 33, 35, 56, 57, 60, 65, 67, 68, 69, 74, 97, 118
ASWARA, 61, 63, 87, 88, 89, 105, 113

B

berlatih, 62, 63, 65, 78, 98
berpasangan, 36, 37, 38, 39, 93, 123
budaya, 10, 15, 16, 17, 77, 105, 111, 120
bunga, 25, 28, 33, 46, 49, 50, 98

C

cantik, 37, 38, 46, 48, 50, 52, 54, 55, 83, 93

E

enjut, 28, 33, 35, 97

G

Gambus, 27, 105
gelang, 49, 52, 53, 98
gendang, 26, 27, 40, 42, 105
ghazal, 26, 41, 42, 118

I

institusi, 99, 100

J

JKKN, 86, 105, 113, 114
jurulatih, 7, 83, 84, 86, 91, 114

K

kahwin, 48, 70, 72, 74, 82, 120
kain, 36, 45, 46, 47, 49, 51, 52
kebudayaan, 10, 15, 16, 17, 77, 82, 85, 90, 91, 121
kekemasan, 37, 39, 55, 56
kelembutan, 31, 37, 55, 118
kesenian, 15, 16, 17, 18, 105
Kesenian, 15, 17, 82, 83, 105, 127, 128
Kopak, 106
kumpulan, 17, 25, 26

L

lagu, 10, 17, 29, 36, 39, 40, 41, 43, 44, 45, 52, 55, 59, 73, 74, 93, 97, 105, 118
langkah, 30, 34, 35, 36, 40, 48, 94, 100, 118
latihan, 62, 65, 67, 68, 70, 74, 80, 81, 82, 83, 85, 88, 98, 99, 119, 120, 121
lelaki, 30, 32, 35, 37, 47, 50, 52, 55, 78, 79, 94, 118, 119
lenggok, 29, 35, 36, 41, 44, 57

M

marwas, 27, 41, 42
Marwas, 41, 42, 105
Melayu, 13, 15, 16, 17, 18, 45, 47, 51, 52, 58, 64, 77, 98, 105, 111
muzik, 15, 26, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 74, 105, 118

P

Parit Mastar, 5, 6, 7, 20, 21, 24, 25, 28, 31, 35, 40, 70, 84, 86, 87, 94, 97, 100, 113, 129
pemuzik, 26, 74, 99
penari, 25, 30, 38, 51, 55, 56, 59, 60, 70, 74, 75, 77, 78, 79, 98, 99, 118, 119, 120
penerus, 7, 20, 92, 113
pengasas, 7, 20, 21, 24, 86, 87, 91, 92, 113, 117
perempuan, 23, 30, 32, 35, 36, 37, 47, 49, 51, 52, 55, 79
pergerakkan, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38
perhiasan, 45, 46, 48, 49, 50, 53, 54, 98, 118, 119
persatuan, 82, 85, 86, 87, 98, 100, 105, 113, 121
persembahan, 17, 39, 48, 70, 71, 74, 77, 79, 95, 99, 105, 119, 120, 121
pertandingan, 39, 46, 48, 54, 55, 57, 58, 78, 79, 83, 99, 100, 113, 114
pewaris, 7, 21, 89, 113, 129
PE-ZAPIN, 105

R

rentak, 29, 30, 31, 40, 41, 42, 43, 44, 59, 106, 118

S

seni, 7, 12, 15, 17, 20, 95, 105, 111, 113, 114, 119
sijil, 7, 85, 89, 114

T

tangkas, 30, 31, 98
tari, 12, 15, 17, 27, 31, 56, 60, 81, 100, 118
tarian, 7, 12, 15, 17, 18, 20, 24, 25, 27, 29, 30, 31, 36, 40, 41, 42, 43, 51, 56, 57, 58, 60,
76, 77, 78, 80, 81, 82, 83, 89, 90, 91, 92, 94, 95, 97, 98, 99, 100, 105, 106, 113, 114,
117, 118, 119, 120, 121, 122
tradisi, 10, 11, 18
tradisional, 10, 15, 16, 17, 18, 29, 77, 105

W

warisan, 7, 16, 18, 20, 95, 105, 111, 120, 121

Z

zapin, 7, 12, 17, 18, 20, 21, 22, 24, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 52, 53, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 67, 68, 70, 71, 72, 73, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 84, 86, 88, 89, 90, 92, 93, 94, 95, 97, 98, 99, 100, 105, 113, 114, 117, 118, 119, 120, 121

Zapin, 5, 6, 7, 17, 20, 24, 29, 67, 73, 74, 75, 77, 84, 85, 86, 87, 94, 97, 99, 100, 105, 106, 111, 113, 114, 123, 128, 129, 130

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

- Belakang, A. L. (2017). *Bab I Pendahuluan*. لا اء و ف ل ك لا 1-12.
- Flouryilia, I. (2020). *Tarian Zapin Sebagai Peninggalan Budaya Arab Di Tanah Melayu*. 1-14. <https://doi.org/10.31219/osf.io/ntzu6>
- Harma, A. R. (2017). FAKTOR PENGHAMBAT PERKEMBANGAN TARI ZAPIN MELAYU DI KOTA BATAM Ajrina Rosada Harma Jurusan Sendratasik FBS Universitas Negeri Padang Desfiarni Jurusan Sendratasik FBS Universitas Negeri Padang Susmiarti Jurusan Sendratasik FBS Universitas Negeri Padang em. *E-Jurnal Sendratasik*, 6(1), 7-14.
- Haron, N. (n.d.). *Oral History in Malaysia.pdf*.
- JOURNAL OF INFORMATION AND KNOWLEDGE MANAGEMENT* Volume 3 , Number 2 , December 2013. (2013). 3(2).
- Karthago, A. H. (2014). Peran Dinas Kebudayaan dan Pariwisata dalam pengembangan seni budaya di Kabupaten Bukungan. *Jurnal Ilmu Pemerintahan*, 2(1), 1995-2007.
- Kartini, S., & Husain, S. (2018). *Wan Muhammad Afiq Wan Muhamad Fauzan*. 2(December), 331-342.
- Lisan, S. (2020). *2491-Ulasan Buku-8559-1-10-20200720*. 26(1), 195-199.
- Melayu, J. (2011). Akta warisan kebangsaan, 2005: tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8(8), 173-188.
- Mohamad Nasruddin, N. E., & Ramli, Z. (2020). KEBERKESANAN MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL KEPADA (THE EFFECTIVENESS OF MASS AND SOCIAL MEDIA FOR SOCIETY IN RESOLVING NATIONAL HERITAGE PRESERVATION ISSUES) Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 4(1), 1-14.
- Ndonesia, H. I. I. (2011). *P s l h i*. 13(10), 1-22.
- Omar, R., & Al, S. F. (2017). Penilaian semula historiografi Malaysia melalui sejarah lisan (Re-evaluating modern Malaysian historiography through oral tradition). *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 8(2), 77-87.
- Roudhah, S., Saad, M., Banu, R., Mohamad, J., Ramlah, C., Jaafar, C., & Wan, A. (2012). *Jurnal PPM Vol. 6,2012*. 6, 63-76.
- Sabar. (2020). Data Lisan Sebagai Sumber Sejarah. *Analisis Sejarah*, 9(1), 44-51.
- Santoso, A. (n.d.). Konsep Dasar Sejarah dan Sejarah Lisan. *Pustaka.Ut.Ac.Id*, 1-36. <http://www.pustaka.ut.ac.id/lib/wp-content/uploads/pdfmk/ASIP4208-M1.pdf>
- Sunarti, L. (2013). *Menelusuri Akar Kon fl ik Warisan Budaya antara Indonesia dengan Malaysia*. 6(1), 77-88.

- Surahman, S. (2013). Dampak Globalisasi Media Terhadap Seni dan Budaya Indonesia. *Jurnal Komunikasi*, 2(1), 29–38.
- Syed Abdullah, S. S. (2013). Tradisi lisan: satu penilaian semula. *International Journal of Creative Futures and Heritage*, 1–13. <http://umkeprints.umk.edu.my/187/1/Paper1.pdf>
- Tinggi, S., Hindu, A., Mpu, N., & Singaraja, K. (n.d.). *Jñānasiddhānta DHARMAGITA ; SENI BUDAYA DALAM SIAR AGAMA HINDU Jñānasiddhānta*. 76–85.
- Ulum, M. S. (2020). Kesenian Tradisional di Era Komodifikasi Budaya: Pergeseran Makna Magis-Religius dalam Kesenian Jaranan. *Empirisma: Jurnal Pemikiran Dan Kebudayaan Islam*, 29(2), 87–102.
- Winarno, S. (2017). Pemetaan dan pengembangan kesenian tradisional di malang raya. *Seminar Iqra*, 1(246), 1166–1192.
- Xaverius, F. (2019). *BAGI MAHASISWA PENDIDIKAN SEJARAH (Studi Kasus Mahasiswa STKIP PGRI Sidoarjo)*. 2, 246–252.

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 BIOGRAFI TOKOH

Nama tokoh yang dipilih ialah Puan Zubaidah Binti Keliwon yang merupakan anak jati kelahiran Pontian, Johor. Beliau telah dilahirkan pada 9 sembilan Jun 1959. Kini, beliau telah berumur 62 tahun. Puan Zubaidah merupakan anak sulung daripada 6 orang adik beradik. Beliau juga dikenali sebagai “Kak Zu” dalam kalangan masyarakat Pontian dan juga keluarganya. Beliau adalah anak sulung daripada enam orang adik beradiknya dan mempunyai 6 orang cahaya mata hasil dari perkahwinannya dengan Miswan Bin Hussin. Beliau mewarisi seni tarian ini daripada ayahnya, Haji Keliwon Bin Denan iaitu seorang pengasas tarian Zapin Parit Mastar yang menjadi kebanggan masyarakat di Pontian, Johor. Sehubungan dengan itu juga, empat orang anaknya berjaya mewarisi tarian zapin ini sekaligus menjadi penerus dan pewaris seni tarian zapin khususnya zapin Parit Mastar.

Sejak kecil lagi beliau sudah berkecimpung dalam bisang seni tarian zapin. Bermula dengan tunjuk ajar dari bapanya sendiri, Haji Keliwon Bin Menan. Bapanya pula seorang pengasas zapin Parit Mastar yang sangat terkenal di Pontian. Bukan itu sahaja, tarian zapin Parit Mastar kini lebih terkenal di seluruh negara bahkan pada peringkat antarabangsa. Sejak kecil, beliau diajar dan mempelopori bidang zapin sehingga ke hari ini.

Antara sumbangan beliau dalam usaha memperjuangkan seni tarian zapin ini ialah mengajar tarian zapin Di ASWARA (Bengkel Tarian Zapin) pada Tahun 2000 dan tahun 2017, mengajar tarian di Yayasan Warisan Johor (Bengkel Tarian Zapin) pada tahun 2000. Penglibatan dengan Pertandingan Zapin Peringkat Negeri (Pengurus Kumpulan) dan (Tertamu Undangan) pada tahun 2001 – 2017 dan penglibatan dengan Pertandingan Zapin Peringkat Daerah (Pengurus Kumpulan) dan (Tertamu Undangan) pada tahun 2001 – 2017. Selain itu juga, penglibatan dalam Program Akar Kita Zapin (Bengkel Tarian Zapin) pada tahun 2015 dan Tahun 2018. Beliau juga terlibat dengan beberapa persatuan zapin di Malaysia dan antaranya ialah penglibatan dengan Pe-Zapin (Bengkel Tarian Zapin) pada tahun 2010 – 2017, penglibatan bersama JKKN Negeri Johor Pada Tahun 2016. Beliau juga turut dijemput untuk mengadili pertandingan Zapin di SMK Pertama Jaya Pada tahun 2017.

Tarian ini diturunkan pula kepada anak-anaknya. Sebagai bukti, seorang anaknya juga iaitu Encik Massellih Bin Miswan turut dinobatkan dengan sijil pengtauliahahan dan peringkat satu, dua, dan tiga. Beliau dilahirkan pada 01 Ogos 1990, anak keempat daripada enam adik beradik dan mula mempelajari seni tarian zapin tersebut daripada ibubapa yang bernama Zubaidah Binti Haji Keliwon serta Miswan Bin Hussin. Penglibatan beliau juga banyak memberi impak positif dalam bidang ini. Antara impak positif dan sumbangan beliau ialah beliau menyertai pertandingan zapin peringkat sekolah menengah daerah Pontian pada tahun 2005. Selain itu juga penglibatan dengan pertandingan Zapin Peringkat Negeri (Pengurus Kumpulan) dan (Tertamu Undangan) pada tahun 2005 – 2019, penglibatan dengan Pertandingan Zapin Peringkat Daerah (Pengurus Kumpulan) pada tahun 2005 – 2019, penglibatan dalam Program Akar Kita Zapin (Bengkel Tarian Zapin) pada Tahun 2015 dan Tahun 2018. Disamping itu, penglibatan dengan Pe-Zapin (Bengkel Tarian Zapin) pada Tahun 2010 – 2017 dan penglibatan bersama JKKN Negeri Johor Pada Tahun 2008. Pencapaian beliau ialah dianugerahkan sebagai jurulatih Bidang Tari (Tahap 1) Tahun 2008 dan jurulatih Bidang Tari (Tahap 2 Dan 3) Tahun 2016 serta penglibatan Sebagai tenaga pengajar di sekolah rendah dan menengah bermula pada tahun 2010 sehingga kini.

11.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MASSELIH BIN MISWAN K/P: 900801-01-8891 pada
18 JUN 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

MASSELIH MISWAN

(Nama tokoh)
Tarikh: 18 JUN 2021

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya SITI ZUBAIDAH BINTI KELIWON K/P: 590609-01-5210 pada
18 JUN 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

ZUBAIDAH KELIWON

(Nama tokoh)
Tarikh: 18 JUN 2021

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 SENARAI SOALAN

SOALAN ORIENTASI

1. Diri tokoh

- i. Siapakah nama dan umur Puan?
- ii. Bilakah tarikh dan tempat kelahiran Puan ?
- iii. Dimanakah Puan menetap ?

2. Keluarga

- i. Siapakah nama ayah dan ibu Puan ?
- ii. Berapakah umur ayah dan ibu Puan ?
- iii. Dimanakah tempat tinggal kedua ibu-bapa Puan ?
- iv. Apakah pekerjaan kedua ibu-bapa Puan terdahulu/kini ?
- v. Siapakah nama dan berapakah umur suami ?
- vi. Bilakah tarikh dan dimanakah tempat kelahiran suami ?
- vii. Apakah pekerjaan suami ?
- viii. Bilakah tarikh perkahwinan Puan dan suami ?
- ix. Berapakah bilangan anak?
- x. Siapakah nama dan berapakah umur anak & cucu?

3. Sejarah asal usul zapin

- i. Dimanakah tempat asal-usul tarian zapin ?
- ii. Bilakah tahun kewujudan tarian zapin.
- iii. Apakah jenis-jenis tarian zapin ?
- iv. Siapakah pengasas pertama tarian zapin ini ?
- v. Bagaimanakah penerimaan masyarakat ketika itu semasa tarian ini diperkenalkan ?
- vi. Bagaimanakah suasana kemeriahan semasa tarian ini diperkenalkan ?
- vii. Dimanakah masyarakat dahulu mempelajari tarian ini ?

4. Asas tari

- i.** Bagaimanakah tarian zapin dimulakan ?
- ii.** Apakah langkah permulaan tarian ini ?
- iii.** Apakah asas tarian ini ?
- iv.** Adakah joget dan zapin dua benda yang sama atau ada perbezaan ?
- v.** Apakah elemen tarian ini ?
- vi.** Apakah maksud ketangkasan dan kelembutan dalam tarian ini ?
- vii.** Dimanakah dan apakah perkara yang melambangkan ketangkasan dan kelembutan dalam tarian ?
- viii.** Adakah setiap gerak langkah mempunyai maksud yang tersendiri ?
- ix.** Berapakah buah tari dalam satu tarian zapin ? Ada had tertentu maksimum dan minimum ?
- x.** Apakah perbezaan langkah tari antara penari lelaki dan wanita ?
- xi.** Apakah inspirasi koreografi tarian zapin ?
- xii.** Adakah tarian ini boleh dipersembahkan secara solo ?
- xiii.** Ataupun secara berkumpulan lebih baik ?
- xiv.** Pada pandangan Puan, yang manakah lebih nampak menarik ? berkumpulan atau solo ?
- xv.** Masyarakat pula gemar yang solo atau berkumpulan ?

5. Muzik

- i.** Apakah jenis lagu yang digunakan ?
- ii.** Apakah rentak lagu yang sesuai dimainkan untuk tarian ini ?
- iii.** Adakah rentak lagu mempengaruhi langkah tarian ?
- iv.** Apakah lagu yang menjadi kegemaran ataupun pilihan popular dalam masyarakat untuk tarian ini ?
- v.** Apakah lagu kegemaran Puan untuk dimainkan bersama tarian ini ?
- vi.** Berapa panjangkah lagu untuk satu tarian ini ?
- vii.** Adakah muzik ghazal juga sesuai untuk tarian ini ?

6. Pakaian dan perhiasan

- i.** Apakah pakaian yang sering dikenakan oleh penari ?
- ii.** Adakah pakaian yang digayakan berlainan mengikut jenis tarian zapin ?

- iii. Apakah setiap satu elemen dalam pakaian ada maksud tertentu dan tersirat ?
- iv. Apakah rona warna yang selalu digayakan ? Mengapa ?
- v. Apakah jenis material fabrik yang selalu digunakan ?
- vi. Apakah jenis fabrik yang paling sesuai digunakan ?
- vii. Adakah para penari mengenakan sepatu/kasut ketika membuat persembahan tarian ?
- viii. Apakah barangan perhiasan yang selalu digunakan bagi penari ?
- ix. Adakah hanya penari wanita sahaja yang menggunakan perhiasan atau lelaki juga ada perhiasan tersendiri ? Jika ada, jelaskan.
- x. Dimanakah perhiasan itu didapatkan ?
- xi. Adakah perhiasan itu buatan tersendiri atau dibawakan khas untuk tarian ini ?
- xii. Adakah setiap perhiasan yang digayakan oleh penari membawa maksud tersendiri ?
- xiii. Apakah jenis bahan perhiasan tersebut ?
- xiv. Adakah perhiasan tersebut sama dengan perhiasan bagi tarian lain seperti joget dan inang ?

7. Penari

- i. Apakah kriteria pemilihan bagi penari ?
- ii. Adakah penari yang dipilih perlu berpengalaman dalam seni tarian zapin ?
- iii. Adakah tarian ini tidak mengira had umur untuk penglibatan ?
- iv. Adakah bangsa lain turut menyertai tarian ini ?
- v. Adakah rakyat negara lain juga berminat untuk mempelajari tarian ini ?
- vi. Setiap penari perlu mengikuti pantang larang ? Mungkin dari segi pemakanan atau sebagainya ?
- vii. Pernahkah berlaku dimana peserta datang dengan bukan kerelaan hati ?

8. Latihan

- i. Pada awal kemunculan, dimanakah sesi latihan dijalankan ?
- ii. Pada jam berapa ? Hari apa ?
- iii. Aktiviti latihan akan dijalankan selama berapa jam sehari ?
- iv. Kekerapan mengadakan latihan pula bagaimana ? seminggu berapa kali ?

- v. Memulakan latihan dengan apa ? mungkin senaman ringkas atau ada petua orang dahulu ?
- vi. Pada situasi Covid-19, adakah latihan dijalankan seperti biasa tetapi menggunakan platform maya ?
- vii. Kalau ada, jelaskan. Guna platform apa ? meet ? Facebook live ?
- viii. Siapakah tenaga pengajar yang turut terlibat sama ?
- ix. Adakah Puan juga aktif dalam aktiviti latihan ?
- x. Berbezaakah cara latihan dahulu dengan sekarang ?

9. Persembahan

- i. Tarian ini sesuai dipersembahkan hanya dimajlis tertentu sahaja atau semua majlis boleh dipersembahkan ?
- ii. Dari segi persembahan, adakah ianya dikenakan caj bayaran ?
- iii. Kalau ya, berapakah caj untuk satu persembahan ?
- iv. Selalu mendapat permintaan untuk majlis apa ?
- v. Adakah ianya bermusim ? cth; hujung tahun org kahwin, bnyaklah tempahan.
- vi. Adakah permintaan masih sama hingga sekarang ? bererti ianya masih relevan bagi masyarakat ?
- vii. Pernahkah mendapat “special request” dari masyarakat ?

10. Cabaran

- i. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Puan dari segi mencari penari atau pelapis ?
- ii. Ada sebarang cabaran dalam usaha untuk memperkenalkan zapin ?
- iii. Adakah susah untuk mengekalkan gaya tarian untuk menjamin ketulenan dan identiti zapin ?
- iv. Sebarang cabaran terhadap generasi muda untuk terus memperjuangkan tarian warisan ini ?
- v. Adakah budaya asing juga dianggap sebagai cabaran untuk mengekalkan tarian ini pada masyarakat ?
- vi. Antara cabaran yang tak dijangka ? ceritakan.
- vii. Adakah masyarakat sekeliling juga merupakan cabaran ? mungkin ada yang penerimaan negatif ?

- viii. Apakah kenangan pahit manis yang dilalui semasa jatuh bangun untuk memperkenalkan tarian ini ?
- ix. Apakah kenangan yang paling tidak dapat dilupakan ? pahit dan manis ?
- x. Pernahkah Puan atau anak didik tercedera semasa menjalani latihan atau semasa persembahan ?

11. Sumbangan

- i. Apakah sumbangan Puan sebagai satu usaha memperjuangkan tarian ini ?
- ii. Adakah Puan membuat kelas latihan tarian disekolah-sekolah ?
- iii. Adakah pihak sekolah yang menjemput atau pihak Puan membuatnya secara sukarela ?
- iv. Adakah kelas latihan disekolah juga dikenakan bayaran ? atau Puan yang menerima bayaran daripada pihak sekolah ? berapa ?
- v. Selain daripada itu, apakah usaha Puan untuk menghidupkan tarian zapin ini ?
- vi. Adakah Puan terlibat dengan mana mana persatuan kebudayaan ? jika ada ceritakan.
- vii. Persatuan apa ? dah lama turut serta ? apakah impak dia sama ada negatif atau positif ?
- viii. Apakah kelebihan menyertai persatuan ini ?
- ix. Adakah persatuan ini membantu Puan untuk lebih maju ke hadapan ?

12. Pencapaian dan pandangan

- i. Apakah pencapaian paling tertinggi yang Puan pernah dapat ?
- ii. Apakah pencapaian yang menjadi saaran Puan untuk masa datang ?
- iii. Apakah pencapaian yang Puan rasa tak akan dapat, tapi Puan berjaya dapatkan?
- iv. Apakah pandangan Puan tentang tarian warisan ini ?
- v. Apakah pandangan Puan tentang tahap penerimaan generasi muda pada tarian ini ?
- vi. Apakah pandangan personal Puan tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab bagi mengekalkan kesinambungan tarian zapin ini ?

13. Harapan

- i.** Apakah harapan Puan untuk tarian ini ?
- ii.** Apakah harapan Puan terhadap generasi muda dan masyarakat agar tarian ini tidak dilupakan ?

11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
<p>28 Mac 2021 Ahad</p>	<p>8:00 pagi – 10:00 pagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah diberi pendedahan tentang Sejarah Lisan semasa didalam kelas IMR604 oleh Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin. • Kami diminta oleh pensyarah untuk memilih tajuk didalam Seni Warisan dan mencari tokoh mengikut tajuk yang dipilih. • Tema yang dipilih ialah tema Seni Warisan Negara. • Alina Syahira Binti Norhamim dan Nur Aimi Aqilah Binti Mohd Jayus bersetuju untuk bekerjasama dalam menyiapkan tugas berpasangan ini.
<p>31 mac 2021 Selasa</p>	<p>8:00 pagi – 9:00 pagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah diberi arahan oleh Puan Siti Noorsiah untuk mencari tokoh yang memenuhi kriteria yang diperlukan. • Bagi pelajar yang sudah memilih tokoh, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin akan bertanyakan tentang pencapaian tokoh tersebut untuk mengetahui kriteria tokoh supaya bertepatan dengan tugas yang diberikan. • Alina Syahira dan Nur Aimi Aqilah bersetuju untuk memilih tajuk Zapin sebagai tajuk tugas mereka.

<p>1 April 2021 Khamis</p>	<p>3:00 petang – 5:00 petang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Alina Syahira dan Nur Aimi Aqilah berbincang tentang tokoh yang bakal dipilih. • Menyenaraikan beberapa nama tokoh yang hendak dipilih dan membuat pencarian dilaman internet tentang diri tokoh dan pencapaian beliau. • Menyenarai pendek tokoh serta maklumat tokoh.
<p>4 April 2021 Ahad</p>	<p>8:00 pagi – 10:00 pagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin bertanyakan tentang tokoh yang dipilih oleh Alina Syahira dan Nur Aimi Aqilah. • Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin memberikan tugas awal kepada pelajar untuk menyenaraikan pencapaian tokoh yang dipilih dan menghantarnya ke <i>U-Future</i>. • Puan Siti Noorsiah memberi arahan untuk menghubungi tokoh secepat mungkin.
<p>8 April 2021 Selasa</p>	<p>8:00 pagi – 10:00 pagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Setelah mencari dan menghubungi tokoh, kami perlu mendapatkan persetujuan dari Puan Siti Noorsiah. • Kami juga diberi arahan untuk membuat kertas cadangan tentang Sejarah Lisan dan latar belakang tokoh kami.
<p>15 April 2021 Selasa</p>	<p>9:00 pagi – 11:00 pagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi rujukan tentang kertas cadangan dengan Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin.

17 April 2021 Sabtu	8:00 malam – 12:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi pembetulan kertas cadangan. • Sesi membuat senarai soalan bagi penyelidikan.
5 Mei 2021 Rabu	10:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menghantar kertas cadangan yang telah disiapkan untuk pensyarah kami memeriksa.
28 Mei 2021 Jumaat	11:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi tokoh dan bertanyakan tentang masa kelapangan beliau untuk meneruskan proses temuramah Sejarah Lisan.
18 Jun 2021 Jumaat	9:00 pagi – 12:00 tengah hari	<ul style="list-style-type: none"> • Setelah beberapa halangan masa oleh tokoh, akhirnya temubual telah dijayakan dengan sempurna.
19 Jun 2021 Sabtu	2:00 tengah hari – 6:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> • Alina Syahira dan Nur Aimi Aqilah telah berbincang dan membahagi tugas masing-masing. • Alina Syahira telah menghantar rakaman temubual kepada Nur Aimi Aqilah untuk rujukan semasa menyempurnakan tugas Sejarah Lisan.
21 Jun 2021 Isnin	8:00 malam – 11:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi perbincangan dan rujukan tentang simbol yang perlu digunakan dalam menyiapkan tugas transkrip.
23 Jun 2021 Rabu	9:00 malam – 12:00 tengah malam	<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak semula format yang telah ditetapkan agar tidak mempunyai sebarang kesalahan sewaktu mencetak dan membukukan transkrip. • Menyusun mengikut aturan yang telah ditetapkan.

25 Jun 2021 Jumaat	9:00 malam – 12:00 tengah malam	<ul style="list-style-type: none">• Menyemak buat kali terakhir sebelum menghantar kepada Puan Siti Noorsiah secara atas talian.
28 Jun 2021 Isnin	2:00 tengah hari	<ul style="list-style-type: none">• Menghantar transkrip ke kedai pencetakan untuk dibukukan serta mengikut format yang telah ditetapkan.

11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN LAIN YANG BERKAITAN



Sijil penghargaan kepada Encik Masselih Bin Miswan yang dianugerahkan sebagai Jurulatih Seni Budaya Negara dalam Program Bimbingan Seni Budaya Modul Seni Cemerlang Tahun 1 Dan 2 pada tahun 2015 – 2016 oleh Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri



Sijil pengiktirafan kepada Encik Masselih Bin Miswan sebagai Jurulatih Seni Budaya Negara daripada Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia.



Sijil penyertaan kepada Encik Maselih Bin Miswan yang telah menyertai Festival Seni Muafakat Johor pada tahun 2016 oleh Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri.



Sijil penghargaan kepada Puan Zubaidah Binti Keliwon kerana telah menyumbang pada Bengkel Pemantapan Ragam Tari Zapin oleh Kerajaan Negeri Johor.



Sijil Penghargaan Kepada Puan Zubaidah Binti Keliwon pewaris Zaini Parit Mastar oleh Yayasan Warisan Johor.